



● BIL 271 ● 19 - 25 JULAI 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my



SULTAN IBRAHIM *Tegas berprinsip*

Pemecatan enam Ahli Parlimen

Perketat Akta Anti Lompat Parti

SYED HAZIQUE

PEMECATAN enam Ahli Parlimen yang merupakan bekas ahli BERSATU mencetuskan suasana huru-hara dalam arena politik negara.

Enam Ahli Parlimen yang terkait dengan isu itu ialah Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal (Bukit Gantang), Datuk Dr Suhaili Abdul Rahman (Labuan), Zahari Kechik (Jeli), Mohd Azizi Abu Naim (Gua Musang), Datuk Iskandar Dzulkarnain Abdul Khalid (Kuala Kangsar) dan Datuk Dr Zulkaferri Hanapi (Tanjong Karang).

Penganalisis Politik, **Dr Mohammad Tawfik Yaakub** berpandangan adalah lebih baik jika Akta Anti Lompat Parti diperketatkan lagi.

“Akta Perlembagaan (Pindaan) (No 3) 2022 yang memperuntukkan larangan Ahli Dewan Rakyat bertukar parti disifatkan masih banyak kelompangan yang boleh ditambah baik lagi.

“Undang-undang Anti Lompat Parti yang terdapat buat masa ini dilihat mempunyai kelompangan yang membolehkan ahli-ahli politik untuk ambil jalan keluar dan tidak mampu mendisiplinkan ahli parti sepenuhnya. Ia perlu digubal atau dipinda untuk mengatasi isu tersebut.

“Sebagai contoh, seorang Ahli Dewan Rakyat boleh secara bebas bertindak menyokong usul undi tidak percaya terhadap Perdana Menteri yang juga presiden partinya sendiri selagi dia tidak melepaskan keahlian atau keluar

partinya.

“Malah, ahli politik berkenaan juga boleh menyokong pemimpin parti lain sebagai calon Perdana Menteri tanpa perlu risau dengan kedudukannya dalam Parlimen,” katanya.

Tambahnya, perkara ini perlu dilakukan segera bagi mengelak ketidakstabilan arena politik negara.

“Semua Ahli Parlimen perlu berjiwa besar, perlu duduk dan lihat semua perkara ini dan usul penambahbaikan atau pindaan akta ini untuk dibawa ke Parlimen,” ujarnya.

Mohammad Tawfik mencadangkan agar kerajaan mewujudkan satu jawatankuasa atau suruhanjaya khas bagi menangani masalah ini.

“Melalui jawatankuasa atau suruhanjaya khas ini dapat memfokuskan atau melihat secara lebih terperinci akta tersebut untuk menambah baik sebarang kelemahan yang terdapat di dalamnya,” tegasnya.

Beliau turut mengharapkan agar ahli-ahli politik belajar daripada peristiwa-peristiwa lepas akibat ketidakstabilan politik yang mengganggu pembangunan negara.

“Kita tidak mahu masalah ini berulang lagi, kalau kita lihat beberapa tahun lepas, ketidakstabilan politik ini amat merugikan negara.

“Akibat daripada itu, negara mengalami kemuruduman ekonomi, kos sara hidup meningkat, masalah sosial meingkat, kita tidak mahu perkara ini berulang.



PENAMBAHBAIKAN Akta Anti Lompat Parti elak ketidakstabilan politik negara.

“Kestabilan politik mampu memacu negara ke arah masa depan lebih gemilang, malah pemimpin negara juga mampu terus fokus memimpin dan memberi kejayaan kepada negara yang dimanfaatkan oleh setiap lapisan masyarakat,” jelasnya.

Sementara itu, media melaporkan, Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul mendapati arahan-arahan di bawah Fasal 10.5 Perlembagaan Bersatu adalah bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

Beliau berkata Perlembagaan BERSATU menafikan hak lima Ahli Parlimen bekas ahli parti itu sebagaimana termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952

yang menjamin hak keistimewaan, kebebasan bercakap, berbahas dan mengundi kepada lima Ahli Parlimen berkenaan.

Perkara itu terkandung dalam surat Yang Dipertua Dewan Rakyat kepada Ketua Whip BERSATU, Datuk Seri Ronald Kiandee pada 9 Julai lepas, bagi memberitahu mengenai keputusan terhadap notis pemakluman kekosongan kerusi lima Ahli Parlimen menurut Perkara 49A Perlembagaan Persekutuan berikutan keahlian mereka dalam parti itu telah terhenti.

“Berkenaan dengan surat permohonan oleh BERSATU kepada kelima-lima Ahli Dewan Rakyat kembali ke kerusi pembangkang di Dewan Rakyat, saya mendapati sehingga hari ini mereka masih duduk di blok Pembangkang. Justeru itu, saya mendapati dan memutuskan bahawa tidak berlaku

kekosongan kerusi di bawah Perkara 49A (1) Perlembagaan Persekutuan,” katanya.

Dalam mempertimbangkan notis Ronald itu, Johari berkata beliau telah merujuk beberapa dokumen berkaitan seperti Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Menimbang Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No.3) 2022 dan Mengenal Peruntukan Larangan Ahli Dewan Rakyat Bertukar Parti D.R 7 Tahun 2022 (Penyata JKPK).

“Ini termasuk Penyata rasmi bertarikh 11 April 2022 mengenai Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No.3) 2022 dan Penyata rasmi bertarikh 27 dan 28 Julai 2022 mengenai Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No 3) 2022 dan Usul Mengenai Penyata JKPK itu,” jelasnya. 📌



TAWFIK

Keputusan ikut Perlembagaan, taksiran undang-undang

KEPUTUSAN mengekalkan enam ahli Parlimen bekas ahli parti politik BERSATU sebagai wakil rakyat dibuat berdasarkan Perlembagaan dan taksiran undang-undang sedia ada.

Perdana Menteri, **Datuk Seri Anwar Ibrahim** berkata keputusan yang dibuat oleh Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul adalah berlandaskan undang-undang yang memberi kuasa kepada Speaker untuk membuat keputusan.

“Kalau tafsiran undang-undang kena baca seluruhnya, jangan pilih satu dan tinggal yang lain seperti mana dilakukan pimpinan BERSATU baru-baru ini.

“Ia mengikut kepada undang-undang yang ditetapkan bukan soal Perdana Menteri, soal ketua pembangkang. Dia ikut undang-undang dan tafsiran undang-undang itu terserah kepada Speaker,” katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri turut menyatakan kerajaan



KEPUTUSAN yang dibuat Johari berlandaskan undang-undang. - Gambar hiasan

sedia berbincang bagi meminda Akta Anti Lompat Parti untuk memperbaiki kelompangan yang terdapat dalam undang-undang berkenaan.

“Perdana Menteri berkata Pakatan Harapan (PH) pada 2022 pernah mengusulkan

supaya pindaan dibuat kepada akta terbabit namun ditolak oleh kerajaan ketika itu.

“Dulu kita cadang supaya mana-mana yang ditolak (dibuang) oleh parti, ditolak (mengosongkan kerusi) tapi tidak dipersetujui oleh kerajaan masa itu.

“Sebab dia masa tu orang UMNO masuk parti dia, jadi bagi saya kalau nak pinda boleh, kita bincang supaya siapa sahaja (tidak terkecuali). Dahulu dia (pembangkang) menentang, ramai tak tahu,” katanya.

Tambah Anwar, pihaknya juga bersedia berbincang bagi menambah baik atau meminda undang-undang yang sedia.

Dalam pada itu, Pengarah Komunikasi Pakatan Harapan (PH) Fahmi Fadzil berkata kerajaan sedia meneliti cadangan supaya Akta Anti Lompat Parti diperketat.

“Perdana Menteri ada nyatakan kita boleh teliti perkara ini, ia bukan perkara mudah dan kena ingat dahulu wakil daripada PH dan sejumlah hampir kesemua terbabit perbincangan waktu itu termasuk daripada UMNO yang menyokong supaya Rang Undang-undang Akta Anti Lompat Parti bersifat lebih ketat.

“Pihak kami secara prinsipnya memang setuju diketatkan lagi

bagi beberapa aspek pada waktu ini yang dilihat ada kelompangan,” katanya.

Sebelum ini, enam bekas Ahli Parlimen Bersatu yang mengisytiharkan sokongan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kekal sebagai wakil rakyat.

Mereka adalah Ahli Parlimen Bukit Gantang, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal; Datuk Dr Suhaili Abdul Rahman (Labuan); Zahari Kechik (Jeli); Mohd Azizi Abu Naim (Gua Musang); Datuk Iskandar Dzulkarnain Abdul Khalid (Kuala Kangsar) dan Datuk Dr Zulkaferri Hanapi (Tanjong Karang).

Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengesahkan perkara itu dimaklumkan Johari menerusi surat bertarikh 10 Julai.

Sehari kemudian, Weng San mengumumkan tiada kekosongan luar jangka kerusi DUN Selat Klang yang disandang Datuk Abdul Rashid Asari. 📌



SULTAN Ibrahim sering membantu golongan rakyat yang memerlukan. - Foto ihsan Facebook Sultan Ibrahim

Istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong ke-17

Kebajikan rakyat fokus Sultan Ibrahim

SYED HAZIQUE

SEMANGAT perpaduan antara kaum, kestabilan politik serta keprihatinan terhadap kebajikan rakyat adalah antara fokus utama Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim dalam memayungi rakyat Malaysia.

Penganalisis Politik Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia (COLGIS-UUM), **Profesor Dr Ahmad Martadha Mohamed** berkata kesemua aspek tersebut dapat dilihat apabila Seri Paduka Baginda sentiasa mendahulukan kepentingan rakyat.

“Seri Paduka Baginda amat menekankan konsep perpaduan masyarakat majmuk yang terdapat di negara dengan menghormati semua lapisan masyarakat tanpa mengira kaum dan agama.

“Malah di awal pemerintahannya juga, Seri Paduka Baginda mengingatkan kepada semua lapisan rakyat tidak memainkan isu 3R (agama, kaum, raja) bagi mengekalkan kesejahteraan negara yang telah terbina sejak sekian lama,” katanya ketika dihubungi *Wilayahku*.

Tambah Ahmad Martadha, perpaduan antara masyarakat berbilang kaum dan agama adalah resipi kepada kemakmuran serta kemajuan negara yang digapai pada hari ini.

“Saya kira, sudah pasti isu perpaduan akan sentiasa

ditekankan kerana Seri Paduka Baginda amat mementingkan isu perpaduan.

“Saya pasti sepanjang tempoh pemerintahan Seri Paduka Baginda untuk sentiasa menekankan aspek itu dan tiada pihak yang berani mencabar perpaduan kaum yang terbina di negara ini,” kata beliau.

Jelasnya, Seri Paduka Baginda juga amat menitikberatkan soal kestabilan politik untuk terus membangunkan negara.

“Semua rakyat pasti ingin melihat Agong untuk terus memacu kestabilan politik negara yang akan memberi impak atau faedah terutama dari segi ekonomi dan masyarakat.

“Seri Paduka Baginda pernah bertitah menegaskan sekiranya ada pihak yang hendak bermain politik, mereka perlulah menunggu pada masa pilihan raya akan datang.

“Seri Paduka Baginda juga berharap semua ahli yang berminat malah memikirkan cara yang terbaik untuk membantu golongan yang memerlukan.

“Justeru itu, dapat dilihat Sultan Ibrahim amat tegas agar tiada pihak yang boleh mengganggu gugat kestabilan politik negara,” katanya.

Ahmad Martadha menegaskan, perkara ini amat penting apatah lagi, beberapa tahun lepas, suasana politik negara kucar-kacir sehingga

mengganggu ketumbuhan ekonomi negara.

“Saya kira, Seri Paduka Baginda tidak akan beri peluang kepada mana-mana ahli politik mengganggu kestabilan politik dalam negara.

“Malah, mana-mana individu yang berusaha untuk mengganggu gugat atau ada agenda-agenda tersendiri akan ditegur secara keras,” jelasnya.

“Kita dapat lihat dalam suasana ekonomi dunia yang tidak stabil dan negara sangat-sangat memerlukan kestabilan politik untuk pastikan pembangunan ekonomi dan sosial dapat dicapai,” ujarnya.

Ahmad Martadha turut menjelaskan Sultan Ibrahim amat prihatin terhadap kebajikan rakyat dan mahu semua rakyat dibela nasib mereka.

“Seri Paduka Baginda sentiasa mendengar keperluan rakyat secara berhemat malah memikirkan cara yang terbaik untuk membantu golongan yang memerlukan.

“Ia jelas membuktikan Sultan Ibrahim meletakkan kepentingan rakyat di tempat yang tertinggi terutamanya dalam membela nasib golongan rakyat Malaysia yang memerlukan.

“Antaranya semasa bencana berlaku, Seri Paduka Baginda sanggup meredah banjir bagi meninjau sendiri keadaan yang

menimpa penduduk.

“Malah, Seri Paduka Baginda juga turut menghulurkan bantuan daripada segi bakul makanan, sumbangan peribadi, serta mengusahakan untuk membaiki atau membina semula penempatan akibat bencana tersebut,” katanya.

Sementara itu, media tempatan turut melaporkan, Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi, dalam satu temu bual khas baru-baru ini berkongsi bahawa isu-isu melibatkan kehidupan rakyat dan perpaduan kaum sentiasa menjadi topik perbincangan antara beliau dengan Sultan Ibrahim termasuk dalam situasi tidak formal dan santai seperti ketika Program Kembara Mahkota Johor (KMJ).

“Saya selalu berkongsi kenderaan dengan Seri Paduka Baginda ketika mengunjungi daerah-daerah Johor dalam Program KMJ.

“Sultan Ibrahim gemar bercerita mengenai sejarah Johor dan daerah-daerah yang dilawati. Pada masa sama mengingatkan saya untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi rakyat di setiap daerah berkenaan,” katanya.

Malah Onn Hafiz berkata Seri Paduka Baginda amat menitikberatkan perpaduan antara masyarakat berbilang kaum dan agama yang merupakan kunci kemakmuran serta kemajuan sesebuah negeri atau negara.

“Melihat cara Sultan Ibrahim


mentadbir Johor, saya yakin Seri Paduka Baginda akan buat perkara sama di peringkat negara,” katanya.

Selain itu, Onn Hafiz berkata Sultan Ibrahim dan Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah sememangnya berjiwa rakyat dan cakna dengan isu serta permasalahan yang dihadapi masyarakat pelbagai lapisan.

“Seri Paduka Baginda berdua memang raja yang tegas tetapi sangat penyayang sifatnya dan sangat menjiwai rakyat. Misalnya ketika negara berdepan pandemik COVID-19, keluarga diraja Johor telah menyumbangkan lebih RM180 juta dalam tempoh singkat untuk membantu rakyat seluruh negeri.

“Apa sahaja yang dititahkan oleh Seri Paduka Baginda berdua akan menyentuh keperluan rakyat sebagai contoh keperluan tambahan hospital di negeri ini yang tidak mencukupi dan pelebaran Lebuh raya Utara Selatan (PLUS), syukur berkat titah Kebawah Duli Tuanku, kelulusan telah diberi untuk projek berkenaan,” katanya.

Istiadat Pertabalan Sultan Ibrahim sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-17 akan berlangsung di Istana Negara pada 20 Julai.

Sultan Ibrahim telah melafaz dan menandatangani Surat Sumpah Jawatan sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-17 pada 31 Januari lepas. 

Penjualan stoking tertera kalimah Allah

Isu libat 3R tidak terlepas tindakan

DI laman sosial, netizen meluahkan perasaan marah dan kecewa berkenaan isu kontroversi stoking tertera kalimah Allah yang kecoh sekitar bulan Mac lalu masih belum reda.

Pelbagai komen negatif dilemparkan termasuklah kepada pihak kerajaan yang dikatakan tidak mengambil berat tentang hal tersebut.

Namun isu melibatkan 3R iaitu agama, kaum dan raja ternyata diberi perhatian serta mereka yang terlibat tidak terlepas daripada dikenakan tindakan tegas.

Buktinya, Syarikat Kumpulan KK Supermart & Superstore Sdn Bhd dan syarikat pembekalnya, Xin Jian Chang Sdn Bhd, didenda keseluruhan RM120,000 dengan masing-masing perlu membayar RM60,000.

Mahkamah Sesyen menjatuhkan hukuman itu selepas kedua-dua syarikat mengaku bersalah atas pertuduhan melukakan perasaan orang Islam berhubung penjualan stoking tertera kalimah Allah.

Mahkamah turut memerintahkan supaya denda itu dibayar dalam tempoh tiga hari.

Hakim Mahkamah Sesyen Shah Alam di Negeri Selangor menegaskan syarikat tersebut perlu lebih peka dalam isu melibatkan sensitiviti masyarakat Islam.

"Saya cuma ingin mengingatkan pada masa hadapan, mana-mana



GAMBAR stoking tertera kalimah Allah yang dijual di kedai serbaneka mencetuskan kritikan.

agama bila melibatkan isu sedemikian menimbulkan perasaan yang lebih peka.

"KK Mart juga perlu lebih bertanggungjawab, memperketat pengendalian kawalan kualiti untuk tidak membiarkan perkara itu berulang lagi," tambah hakim itu lagi.


Bagaimanapun Muhammad Anas membebaskan dan melepaskan pengasas dan Pengerusi Eksekutif

Kumpulan KK Supermart, Chai Kee Kan dan isterinya Loh Siew Mui daripada pertuduhan tersebut.

Selain itu, tiga pengarah syarikat pembekal stoking berkenaan, turut mendapat perintah DNA selepas pendakwaan tidak mahu meneruskan pertuduhan ke atas lima individu berkenaan.

Terdahulu, gambar stoking tertera kalimah Allah yang dijual di kedai serbaneka KK Super Mart di

Bandar Sunway, Selangor tular di media sosial pada 13 Mac hingga mencetuskan kritikan, boikot dan insiden keganasan selepas pihak berkuasa menemui produk buatan China itu di premis berkenaan.

Kedua-dua syarikat dan individu-individu terbabit pada 17 Mei lepas telah mengemukakan representasi kepada Jabatan Peguam Negara bagi mengkaji pertuduhan terhadap mereka. 



Noktah kemiskinan tegar bukan retorik kerajaan

BARU-BARU ini kecoh dalam media sosial apabila tular video yang menyatakan ramai pelajar tidak hadir ke sekolah kerana tiada duit belanja.

Berikutan itu, segelintir netizen mempertikaikan perjuangan atau usaha kerajaan untuk menoktahkan kemiskinan dan melabelkannya retorik semata-mata.

Bagi mereka, apa yang diperkatakan pihak kerajaan hanyalah omong kosong sekadar untuk 'menyedapkan' hati rakyat sahaja.

Nampaknya tanggapan tersebut salah kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim serius dalam menoktahkan kemiskinan tegar dalam negara tahun ini.

Anwar berkata selaras usaha pembasmian kemiskinan tegar, kerajaan juga akan meningkatkan prasarana untuk kemudahan rakyat.

Ia termasuk menjamin pembangunan infrastruktur pendidikan dan kemudahan kesihatan

"Kemiskinan tegar sekurang-kurangnya kita selesaikan dalam 10 negeri, akhir Julai, insya-Allah kita selesaikan.

"Sasaran menoktahkan kemiskinan tegar tapi kemiskinan relatif itu masih wujud dan mungkin ada nanti peninggalan



KEMISKINAN tegar sekurang-kurangnya akan diselesaikan dalam 10 negeri pada akhir Julai. - Gambar hiasan


(baki) dalam beberapa peratus kemiskinan tegar yang harus ditangani.

"Kemudian, prasarana-prasarana asas, menjamin mutu pendidikan, kemudahan kesihatan harus kita tingkatkan," katanya.

Dalam masa yang sama, beliau mahu strategi baharu difikirkan bagi menghapuskan kartel, monopoli dan ketirisan seterusnya pulangan tersebut akan dapat disalurkan semula dalam bentuk bantuan kepada rakyat.

Anwar berkata Belanjawan

2025 merupakan kesinambungan usaha menzahirkan hasrat Ekonomi MADANI.

"Ia termasuk pencapaian awal dalam beberapa badan penarafan yang secara tidak langsung menyumbang kepada hasrat tersebut," ujar beliau. 

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

20/7/24: Quby Run @ Kepong Metropolitan Park

27-28/7/24: Festival TARI 2024 Malaysia @ Universiti Malaysia

17/8/24: NANOWHITE MEN x Watsons Run @ Taman Metropolitan Kepong

7/9/24: Malaysia Day UTC Sentul Brisk Walk 2024 @ UTC Sentul



PUTRAJAYA

27/7/24: Ecotrail Putrajaya

2 - 4/8/24: Putrajaya Equine Festival @ Putrajaya Equestrian Park

24/8/24: Pertandingan Barista Latte Art @ Persisiran Tasik, Presint 2, Putrajaya

1 - 31/10/24: Jom #BEATNCDS 2024



LABUAN

17-18/8/24: Labuan 3 Trails @ Palm Beach Resort & Spa

15/9/24: Pearl Of Borneo Run 2024 @ Labuan International Sea Sport Complex

10/11/24: Labuan Ultra Marathon 2024 @ Palm Beach Resort & Spa

Azli tekad basmi miskin bandar



MESKIPUN baru menjadi wakil rakyat di Parlimen Shah Alam sejak November 2022 lalu, beliau bukanlah orang baharu sebaliknya setiap inci masalah di kawasannya telah pun berada di dalam 'poket' berikutan sebelum ini pernah menjadi Ahli Majlis Bandaraya Shah Alam beberapa penggal. Beliau juga aktif dalam persatuan penduduk selain pernah dilantik menjadi nazir masjid sekali gus memahami dengan jelas keperluan warga Shah Alam.

Ahli Parlimen Shah Alam, **AZLI YUSOF** turut menyatakan tekadnya untuk membangunkan golongan miskin bandar dan pada masa sama memastikan pembangunan pesat di Shah Alam tidak meminggirkan infrastruktur dan kemudahan awam yang lain demi memastikan penduduk menikmati kualiti hidup yang baik setanding bandar raya lain.

Ikuti wawancara beliau bersama Wartawan Kanan *Wilayahku*, **AZLAN ZAMBRY** di Parlimen baru-baru ini.

Apakah keperluan penduduk yang paling mendesak di kawasan YB, dan bagaimana merancang untuk menanganinya?

Shah Alam adalah sebuah bandaraya yang pesat membangun. Penduduknya menghampiri jumlah 800 ribu orang. Manakala Parlimen Shah Alam mempunyai bilangan penduduk melebihi 400 ribu orang dengan jumlah pengundi mencecah 180 ribu orang. Saya mengandaikan jumlah pengundi di Parlimen Shah Alam pada Pilihan Raya Umum Ke-16 nanti melebihi angka 200 ribu orang.

Kemunculan kawasan komersil dan kediaman juga semakin bertambah. Sudah pasti ia mengundang kepada beberapa keperluan asas dan mendesak meliputi aspek ekonomi, sosial dan infrastruktur.

Keadaan ini menuntut saya mengamalkan budaya libat urus dan penglibatan berterusan dengan penduduk setempat, pemimpin masyarakat, pihak berkuasa tempatan (PBT) seperti Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan agensi yang berkenaan untuk memastikan keperluan dan isu-isu berbangkit dapat ditangani dengan berkesan.

Bolehkah YB mengenal pasti cabaran ekonomi, sosial dan infrastruktur utama yang dihadapi kawasan YB, dan apakah strategi untuk mengatasi?

Seperti bandaraya lain yang pesat membangun, Shah Alam tidak terkecuali berhadapan dengan cabaran ekonomi melibatkan kos sara hidup, pasaran pekerjaan yang bersesuaian dan peluang perniagaan terutamanya bagi usahawan dan peniaga kecil.

Kewujudan golongan miskin bandar antara cabaran sosial yang kami tangani untuk memastikan tidak ada yang terpinggir dari menikmati kehidupan yang selesa. Walaupun kejadian jenayah kecurian dan pecah rumah agak terkawal, ia tetap menjadi ancaman dan cabaran untuk memastikan kediaman yang aman dan tenteram.

Kepadatan penduduk Shah Alam yang semakin meningkat menuntut kepada infrastruktur yang cekap dan mencukupi.

Antara lain ia melibatkan kemudahan hospital awam dan sekolah yang mencukupi serta sistem jalan raya dan pengangkutan awam yang cekap.

Ini adalah perkara yang sering saya bangkitkan di Parlimen samada melalui perbincangan dan pertanyaan-pertanyaan. Malah ada juga usul yang saya bangkitkan di Kamar Khas. Selain itu saya juga mengadakan kunjungan dan libat urus dengan kementerian dan agensi yang berkenaan agar perkara ini mendapat perhatian.

Apakah dasar atau inisiatif khusus yang telah YB laksanakan atau rancang untuk dilaksanakan bagi meningkatkan penjagaan kesihatan, pendidikan dan perkhidmatan awam?

Dasar dan inisiatif yang berdaya tahan melibatkan komitmen kewangan dan sumber yang besar. Lazimnya dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan PBT. Saranan dan maklum balas penduduk sering kita majukan kepada pihak berkenaan.

Dengan sumber dan dana yang terhad, Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Shah Alam turut mengadakan inisiatif bagi menampung kekangan yang ada di pihak kerajaan. Kami berkerjasama dengan komuniti setempat, badan bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta antaranya mengadakan program pemeriksaan kesihatan, bantuan peralatan kesihatan kepada pesakit kronik, seminar peperiksaan dan tuisyen rakyat, serta pelbagai aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan.

Bagaimanakah YB mengutamakan dan mengimbangi keperluan dan kepentingan pelbagai kumpulan demografi yang berbeza dalam kawasan seperti belia, warga emas dan komuniti terpinggir?

Sudah pasti antara keutamaan kami adalah untuk membantu golongan yang lebih memerlukan seperti miskin bandar, ibu tunggal, orang kurang upaya (OKU) dan warga emas yang berhadapan dengan kepayahan hidup di bandar. Ada yang kami santuni dan bantu keperluan secara individu dan ada juga yang dibantu melalui program

yang diadakan secara berkala dan bermusim. Ada juga yang dibantu melalui projek kecil pembaikan rumah yang uzur dan kerosakan disebabkan musibah dan bencana.

Selain itu kami juga sering menyantuni golongan belia melalui aktiviti yang sesuai dengan jiwa dan kecenderungan mereka. Lazimnya ia melibatkan kegiatan sukan dan pendedahan kepada peluang pekerjaan dan keusahawanan. Baru-baru ini kami melancarkan program Friends of Shah Alam untuk menggalakkan penglibatan lebih ramai belia Shah Alam dalam aktiviti sihat dan memberi manfaat kepada masyarakat.

Pusat Khidmat kami juga sering bekerjasama dan memberi sokongan kepada program dan aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan penduduk, masjid dan surau, rumah ibadat bukan Islam serta pelbagai NGO.

Apakah sumber pembiayaan utama untuk projek cadangan YB, dan bagaimanakah memastikan penggunaan dana secara telus dan berkesan?

Pusat Khidmat kami menerima dana dari Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang disalurkan melalui Unit Koordinasi Pelaksanaan, ICU-JPM. Pembiayaan ini terbahagi kepada dua kategori. Yang pertama adalah untuk melaksanakan aktiviti kebajikan, bencana dan kemasyarakatan. Yang kedua adalah untuk membiayai Projek Mesra Rakyat (PMR) iaitu untuk projek-projek kecil seperti naik taraf, penggantian dan penambahbaikan struktur dan fasiliti yang ada pada sesebuah komuniti.

Untuk pastikan ketelulusan dan keberkesanan penggunaan dana, pegawai-pegawai saya akan pastikan hanya penerima yang benar-benar layak untuk diberi mendapat bantuan dan sokongan mengikut tatacara yang telah ditetapkan oleh ICU-JPM.

Laporan bagi setiap bantuan dan program yang dilaksanakan akan disediakan dan diserahkan kepada pihak ICU-JPM sebagai rekod untuk pengesahan dan penilaian mereka.

Pihak ICU-JPM juga turut mengadakan audit dalaman terhadap penggunaan dana ini dari semasa ke semasa.

Apakah langkah yang YB ambil untuk melibatkan diri dengan pengundi secara kerap dan memastikan suara mereka didengari?

Seboleh-bolehnya, saya akan pastikan untuk memenuhi setiap jemputan dari penduduk dan institusi yang ada dalam masyarakat. Jika tidak, saya akan hantar pegawai sebagai wakil. Dari sini kami akan dapat berinteraksi dan menyelami saranan dan suara rakyat.

Selain Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Shah Alam dibuka setiap

hari Isnin-Jumaat,

kami juga mengadakan Kaunter Bergerak Parlimen Shah Alam setiap Sabtu pertama setiap bulan.

Seminggu sekali kami mengadakan Ziarah Peduli Salam Jumaat untuk menyantuni golongan kurang bernasib baik. Saya sendiri melazimi aktiviti Singgah Subuh setiap hujung minggu. Saya gilirkan surau dan masjid untuk solat subuh, mendengar kuliah dan bermesra dengan jemaah.

Bagaimanakah YB menilai kejayaan dasar dan inisiatif dan apakah mekanisme yang disediakan untuk menyemak dan menyesuaikan jika perlu?

Kami bermesyuarat sebulan sekali untuk menyemak, menilai dan merancang aktiviti yang bersesuaian agar sampai kepada sasaran. Selain itu kami juga sedia mendengar pandangan dari pelbagai pihak yang peduli dan komited membantu kami memastikan kesejahteraan rakyat di Shah Alam. 🇲🇾



KL Strike Force cegah aktivitiancam keselamatan warga kota

435 tindakan sita enam bulan pertama 2024

AZLAN ZAMBRY

JABATAN Penguatkuasaan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah merekodkan sebanyak 435 tindakan sitaan terhadap warga asing di sekitar Pusat Bandar Utara dari Januari hingga Jun lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata DBKL juga telah mengeluarkan sebanyak 20 Notis Kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil (Perlesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian WPKL) 2016 di atas kesalahan mengambil mana-mana pekerja warga asing tanpa permit kerja yang sah.

“Selain itu, sebanyak 1,723 Notis Kesalahan di bawah Kaedah-Kaedah Lalulintas Jalan 1959 dan Akta Pengangkutan Jalan 1987 bagi pelbagai kesalahan lalu lintas,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika sesi Kamar Khas di Parlimen pada Isnin.

Menurut Zaliha, DBKL mempunyai bidang kuasa yang terhad, tertakluk kepada aktiviti yang dijalankan tanpa lesen serta premis yang menggajikan pekerja warga asing tanpa kebenaran di bawah peruntukan Undang-Undang Kecil (Pelesenan Penjaja WPKL) 2016 dan Undang-Undang Kecil (Perlesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian



ZALIHA (tengah) turun padang bagi menanganikan ancaman warga asing yang bermaharajalela di kawasan itu sebelum ini.

WPKL) 2016.

“Lawatan turun padang saya ke Pasar Borong Kuala Lumpur pada 13 Julai lalu, jam 2.30 pagi mendapati majoriti warga asing yang berniaga di sekitar kawasan pasar borong ini merupakan individu pemegang kad Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian (UNHCR), dan sebahagian kecil pula adalah warga

asing tanpa izin,” katanya.

Menurut Zaliha tindakan yang hendak diambil terhadap kedua-dua kategori asing ini memerlukan peruntukan undang-undang di bawah bidang kuasa JIM dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

“Atas dasar ini, saya telah bersetuju dengan penubuhan KL Strike Force dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Keselamatan

Negeri Wilayah Persekutuan Bil. 1/2024 pada 27 Mei 2024.

“Task force ini ditubuhkan bagi menanganikan isu-isu yang melibatkan keselamatan termasuklah isu lambakan peniaga jalanan, penjaja, peniaga kecil, pengemis, gelandangan dan apa-apa isu semasa yang mengancam keselamatan dan ketenteraman awam di Wilayah Persekutuan terutamanya yang disebabkan oleh


warga asing,” katanya.

Beliau turut memohon sedikit masa daripada semua pihak untuk melihat pembaharuan dalam penguatkuasaan ke atas isu ini sementara KL Strike Force masih dalam proses untuk diaktifkan.

“Beberapa agensi penguatkuasaan akan dilibatkan secara bersepadu dalam menjalankan operasi membanteras pekerja dan peniaga warga asing sama ada pemegang kad UNHCR atau tanpa dokumen secara besar-besaran sehingga selesai dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *once and for all*,” katanya.

Dalam perkembangan sama, Zaliha berkata pasukan KL Strike Force yang ditubuhkan dibawah Jawatankuasa Keselamatan Negeri Wilayah Persekutuan akan turut merangkumi pelbagai agensi termasuk Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Jabatan Imigresen akan diperkenalkan secepat mungkin.

“Dengan adanya pasukan itu kelak, ia mampu membantu pihak berkuasa untuk mengambil tindakan pantas terhadap segala laporan yang diterima.

“Pasukan ini nanti akan melaksanakan operasi berkaitan keselamatan dan perkara yang dinyatakan oleh Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) sebelum ini,” katanya. 

300 penduduk terlibat bersih PPR Gombak Setia

SERAMAI 300 penduduk berganding bahu dalam aktiviti gotong-royong membersihkan persekitaran kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Gombak Setia sekali gus menyahut seruan menerusi projek Quick Win PA/PPR anjuran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Pengerusi Persatuan Penduduk PPR Gombak Setia, **Mohd Khair Nasaruddin Mohd Khair** berkata pihaknya serta ahli jawatankuasa persatuan penduduk telahpun membahagikan tugas untuk memastikan setiap inci ruang guna dibersihkan.

“Tugas ini telah diberi awal, ada kumpulan yang mengecat semula tanda jalan untuk keselamatan, mengecat petak parkir, membersihkan kawasan sekitar. Selain itu, kelab belia persatuan penduduk diminta untuk mengecat mural di kedua-dua Blok 41 dan 43,” katanya kepada Wilayahku pada Sabtu.

Menurut Mohd Khair, selain penduduk, petugas DBKL turut turun padang untuk membantu

dari aspek operasi, membersihkan halangan dan laluan di setiap tingkat.

“DBKL telahpun memberikan notis 14 hari untuk mengosongkan laluan jalan atau halangan, hari ini mereka datang dan bersihkan mana-mana halangan yang masih ada di sepanjang laluan

“Walaupun notis telahpun dikeluarkan awal masih ada penduduk yang gagal mematuhi. Petugas DBKL hanya melaksanakan tugas dengan membersihkan kawasan dan laluan di tingkat atas yang sebelum ini menjadi halangan

kepada penduduk selain turut mengeluarkan kompaun terhadap penduduk yang engkar,” katanya.

Beliau berkata sebelum ini persatuan sendiri telah mengadakan program gotong royong namun apabila melibatkan barangan terbuang yang dikumpul ini, ia menjadi sukar berikutan persatuan tidak mempunyai kuasa selain menasihatkan sahaja.

“Jika dibersihkan hari ini,



PENDUDUK membersihkan kawasan dalam Program Quick Win PPR/PA.

esok ada lagi, ia berterusan dan bagi pihak persatuan, saya dan jawatankuasa telah memberikan nasihat kepada penduduk termasuklah bertemu dan melalui aplikasi WhatsApp. Selain itu, notis turut dikeluarkan supaya tidak mengumpul dan meletakkan barangan di mana-mana kawasan namun masih ada yang enggan membersihkan,” katanya.

Tambah Mohd Khair, banyak isu berkenaan dengan permasalahan

penduduk yang memerlukan penglibatan semua pihak khususnya tindakan daripada DBKL.

“Untuk perkara yang boleh diselesaikan di peringkat jawatankuasa persatuan penduduk, kita akan lakukan sendiri tetapi untuk perkara yang perlukan penglibatan dan tindakan DBKL, kita akan maklumkan kepada mereka.

“Sebagai contoh isu kenderaan


tersadai, saya kira tidak lebih 30 buah kereta buruk tersadai di sekitar kawasan PPR ini selain lebih 30 buah motosikal buruk dan rosak turut diletakkan di sini.

“Kami tidak boleh mengambil tindakan sendiri dan menerusi program Quick Win PA/PPR ini, saya difahamkan DBKL akan menunda kenderaan tersadai secara berperingkat sekali gus tapak parkir sedia ada boleh dimanfaatkan penduduk,” katanya.

Dalam pada itu, Khair berkata penduduk di kawasan ini berdepan dengan ruang parkir kenderaan yang terhad.

Semestinya situasi tidak sama ketika mula-mula berpindah ke kawasan ini pada tahun 1998 lalu di mana tidak banyak penduduk yang memiliki kereta.

“Sekarang ini, apabila anak-anak sudah besar dan bekerja, mereka membeli kereta dan ada satu rumah mempunyai empat buah kereta. Ini menyebabkan ruang parkir yang tidak mencukupi.

Justeru itu, Khair berkata pihaknya mengharapkan parkir bertingkat dapat disediakan bagi memudahkan penduduk di kawasan tersebut. 



MOHD KHAIR

**27
JULAI
2024**

**TAMAN TASIK
DANAU KOTA
KUALA LUMPUR**

**PUISI
BERTEMU
PERKUSI**

**UMAR
UZAIR**

**DATO'
FRANCISSCA
PETER**

**FAUZIAH
GAMBUS**

**LIN
HASLINAZ**

**SHIRLEY
IDRIS**

**AYAWAN
MUSAFIR**

SENANDIKA

'FILANTROPI ALAM'

Temu
DBKL

**KONSERT PUISI | INTERAKTIF PERKUSI
LARIAN RIAOWW | PAMERAN SENI & KRAF
KOMPANG | GENDANG | GAMBUS | SERULING**

SEBUAH USAHA

DENGAN SOKONGAN

DAN KERJASAMA

SEMPENA



Pengajaran setimpal telah diberikan



ZULKIFLI SULONG

MAHKAMAH telah menjatuhkan hukuman RM120,000 kepada dua pihak yang terlibat secara langsung dalam kes penghinaan ke atas umat Islam apabila membekal dan menjual stokin yang mempunyai kalimah Allah padanya.

Syarikat Kumpulan KK Supermart & Superstore Sdn Bhd dan syarikat pembekalnya, Xin Jian Chang Sdn Bhd, masing-masing didenda RM60,000 oleh mahkamah.

Mahkamah Sesyen menjatuhkan hukuman itu selepas kedua-dua syarikat mengaku bersalah atas pertuduhan melukakan perasaan orang Islam berhubung penjualan stoking tertera kalimah Allah, pada Mac lalu.

Mahkamah turut memerintahkan supaya denda itu dibayar dalam tempoh tiga hari.

Hakim, Muhamad Anas Mahadzir dalam penghakimannya menegaskan agar syarikat-syarikat tersebut lebih peka terhadap sensitiviti masyarakat Muslim.

“Saya tidak mahu berdakwah namun mana-mana agama kalau disentuh melibatkan isu sedemikian akan menimbulkan perasaan yang lebih peka.

“Justeru, saya berharap KK Mart dan Xin Jian mengambil iktibar dan lebih bertanggungjawab serta memperketatkan kawalan kualiti masing-masing,” katanya.

Bagaimanapun hakim membebaskan dan melepaskan pengasas dan

Pengerusi Eksekutif Kumpulan KK Supermart, Chai Kee Kan dan isterinya Loh Siew Mui daripada pertuduhan tersebut.

Selain itu, tiga pengarah syarikat pembekal stoking berkenaan, turut mendapat perintah DNA selepas pihak pendakwa tidak mahu meneruskan pertuduhan ke atas lima individu berkenaan.

Bagi saya kes ini memberikan pengajaran besar kepada kesemua pihak bahawa penghinaan atau tindakan mengguris hati umat Islam tidak akan dibiarkan hatta oleh mahkamah di negara ini.

Denda RM60,000 setiap syarikat yang terlibat adalah satu hukuman yang berat yang pernah diberikan mahkamah. Ini juga merupakan kali pertama pihak berkuasa mengambil tindakan ke atas perbuatan seumpama ini.

Sebelum ini, sudah pelbagai jenis kesalahan sebegini berlaku. Namun hanya kali ini dan di bawah kerajaan Malaysia MADANI yang bertindak dan dijatuhkan hukuman.

Sebelum ini kecoh, sekumpulan manusia membuat pesta lucuh di sebuah pulau di Terengganu. Pihak berkuasa hanya mengenakan denda RM25,000 kepada pihak penganjurnya.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Terengganu, Datuk Razali Idris, pemilik resort yang menganjurkan parti liar Aloha akan dikenakan tindakan mengikut Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 2002.

Pemilik resort berkenaan akan dikenakan kompaun maksimum oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) sebanyak RM25,000.



MAHKAMAH Sesyen menjatuhkan hukuman itu selepas kedua-dua syarikat mengaku bersalah. - Gambar hiasan.

“Kami sudah memanggil dan mendengar penjelasan daripada pemilik resort dan didapati mereka melanggar peraturan mengikut seksyen berkenaan.

“Kami turut mendapati pemilik resort itu sudah menganjurkan pesta liar Aloha sejak 10 tahun lalu. Namun berlaku penangguhan penganjuran berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2020 dan 2021,” katanya.

Mungkin ada yang mempersoalkan, kenapa pemilik syarikat yang terlibat dalam isu stoking ini ditarik balik dakwaan ke atasnya. Saya yakin, ia berlaku berdasarkan siasatan pihak berkuasa ke atas kes ini dan juga representasi yang dibuat mereka kepada Jabatan Peguam Negara. Pendek kata, ia dibuat berdasarkan fakta bukan auta semata-mata.

Apa yang berlaku adalah beberapa pasang stokin ditemui di kedai serbaneka berkenaan dan juga di gudang pembekalnya. Ia

berada di celah-celah beribu-ribu pasang stoking yang ada dalam rak jualan dan juga gudang syarikat berkenaan.

Angkara siapakah ini? Mungkin sabotaj.

Sebaik sahaja dikesan, pemilik syarikat telah memohon maaf secara terbuka mengenainya. Selain permohonan maaf yang disiarkan melalui sidang media, pemilik juga menggantung kain rentang di premis mereka bagi menyatakan permohonan maaf tersebut.

Jelas di situ, pemiliknya tidak semestinya bersalah tetapi yang pasti kedai yang dimiliki syarikat dan gudang mereka memiliki stoking berkenaan dan bersalah.

Jadi, kemungkinan besar atas dasar itulah, dakwaan ke atas pemiliknya tidak diteruskan tetapi kedua-dua syarikat terlibat telah didenda RM60,000 setiap satu.

Walaupun dibebaskan, saya yakin individu yang terlibat dalam isu ini mendapat pengajaran

yang setimpal mengenainya. Saya yakin, ia dijadikan pengajaran agar kesilapan yang sama tidak berulang.

Sehubungan itu, saya berpendapat, kes ini sudah tamat dan perlu ditutup. Kedai dan gudang yang terlibat telah diambil tindakan oleh pihak berkuasa dan mahkamah telah menjatuhkan hukuman ke atas mereka.

Jika isu ini dibangkit juga, sudah tentu orang akan membandingkan apa yang berlaku kepada kerajaan sebelum ini. Apakah mereka bertindak sebagaimana kerajaan sekarang bertindak atau pandai bercakap dan menunding jari sahaja.

Jadi, marilah kita sama-sama tutup kes ini, kita terus jalan ke depan. Banyak lagi kes yang menanti dan akan dibahaskan oleh kita semua nanti.

TULISAN ini sekadar pandangan daripada penulis berdasar pemerhatian.

Melupus kenderaan buruk



Peluang untuk pelajar cemerlang

BERBAHAYA dan mencacatkan pemandangan. Ini pandangan kawan-kawan Kedai Kopi apabila melihat banyak kenderaan buruk ditinggal terbiar di banyak tempat di ibu negara, sama ada di kawasan taman perumahan, kawasan lapang, pinggir jalan dan sebagainya.

Ini menjadikan kawasan tersebut seolah-olah tempat buangan kenderaan buruk oleh pemilik yang tidak bertanggungjawab. Bagi mereka itu cara mudah melupuskan kenderaan yang sudah tidak boleh digunakan. Humber sahaja tanpa memikirkan masalah akibat perbuatan mereka.

Akhirnya pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang terbeban dengan kerja mengalih dan melupus kenderaan tersebut. Ini termasuk rancangan khas DBKL melaksanakan tindakan khas ke atas kenderaan buruk mengikut kawasan parlimen, bermula dengan kawasan parlimen Bandar Tun Razak.

Amat tidak wajar membebaskan DBKL dengan tugas ini sedangkan pemilik asal kenderaan sesuka hati dan senang-lenang

membiarkan kenderaan buruk tersadai di merata tempat. Kelihatannya seperti tukun tiruan, bezanya ia di darat bukan lautan.

Perlu diingat kenderaan buruk ini berbahaya kepada pengguna jalan atau penduduk setempat, terutama jika kenderaan tersebut berada di kawasan sukar dilihat atau pada waktu malam. Ia boleh menyebabkan pemandu melanggar kenderaan berkenaan.

Risikonya sangat tinggi dan boleh mendatangkan kecederaan. Bayangkan jika besi tajam kenderaan buruk ini atau kaca cermin tertusuk ke badan. Pasti akan mendatangkan kecederaan parah selain merosakkan kenderaan.

Sementara kita memuji langkah DBKL melupuskan kenderaan buruk ini, pemilik asal mesti dipertanggungjawabkan. Mungkin boleh dikesan pemilik berkenaan jika pada kenderaan itu masih ada nombor pendaftaran. Jika dapat dikesan, arahkan mereka lupuskan sendiri. Atau kenakan penalti serta bayaran sebagai ongkos DBKL melupus kenderaan berkenaan.

SEMUA pelajar cemerlang yang memperoleh 10 A dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun ini dijamin mendapat peluang untuk menyambung pelajaran di Kolej Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Arahan penempatan ini dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berikutan ramai pelajar cemerlang SPM gagal mendapat tempat pada pemilihan peringkat pertama. Ekoran itu mereka yang tercicir serta membuat rayuan akan diberi tempat melalui pemilihan kedua secara berperingkat.

Yang penting, pada akhirnya kesemua pelajar cemerlang akan diserap. Rasa tidak puas hati atau kecewa dalam kalangan pelajar yang gagal dipilih sebelum ini akan terubat. Kini mereka lega kerana berjaya menyambung pelajaran selepas SPM.

Sebenarnya isu tidak mendapat tempat ini berlaku saban tahun apabila keputusan peperiksaan diumumkan dan permohonan ke program matrikulasi atau bidang lain seperti diploma dan asasi serta politeknik dibuka.

Kawan-kawan Kedai Kopi percaya keadaan ini berlaku kerana jumlah yang

lulus cemerlang ramai tetapi tempat yang ditawarkan terhad. Kerana itu pengambilan dihadkan sejajar dengan fasiliti yang disediakan misalnya kapasiti kolej serta keperluan tenaga pengajar.

Kerana itu permohonan perlu melalui proses penapisan dengan kriteria tertentu ditetapkan oleh pihak kementerian. Dalam proses ini memang boleh berlaku nama pelajar cemerlang tercicir sekalipun rakan lain yang memperoleh kelulusan sama mendapat tempat.

Oleh itu bagi kawan-kawan Kedai Kopi, langkah memastikan pelajar cemerlang tidak tercicir merupakan tindakan proaktif memastikan pelajar 'terbaik daripada yang terbaik' diberi tempat. Dalam membuat keputusan ini, kerajaan tentu telah mengambil kira segala fasiliti yang disediakan adalah mencukupi.

Kepada pelajar yang terpilih, hargailah peluang yang diberi dengan belajar bersungguh-sungguh untuk menempa kejayaan cemerlang. Pelajar hari ini adalah aset penting negara serta bakal jadi pemimpin masa hadapan.



Bil 271 . 19 - 25 JULAI 2024



Pengecut di balik
KEYBOARD

Wujud undang-undang khusus

SABRINA SABRE & DIANA AMIR

PERKEMBANGAN dan kecanggihan teknologi tidak menjamin kematangan dan kewarasan pemikiran masyarakat. Sebaliknya semakin canggih teknologi, nilai baik dalam diri seperti saling menghormati dan sopan santun semakin pudar. Hal ini boleh dilihat dalam kalangan sesetengah masyarakat di Malaysia apabila mereka bertindak menghina individu lain di alam maya.

Berdasarkan laporan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) pada 2020, Malaysia berada pada kedudukan kedua di Asia bagi kes buli siber selepas India. Setahun sebelum itu UNICEF turut melaporkan tiga daripada 10 remaja Malaysia pernah menjadi mangsa buli siber yang dilakukan menerusi media sosial.

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Cyber Security Malaysia (CSM), kes jenayah siber meningkat setiap tahun. Terbaharu, media melaporkan pengengaruh, Rajeswary Appahu atau Esha, 30, ditemukan meninggal dunia di sebuah kondominium di Setapak dipercayai menjadi mangsa buli siber.

Menurut Peguam Syarie, **Mohd Yazid Sa'at**, terdapat beberapa faktor dan punca berlakunya kes buli siber dalam kalangan masyarakat.

"Pergunaan media sosial secara meluas menjadikan ia platform menggalakkan perbuatan buli siber. Antara punca adalah bermulanya daripada ketidakpuasan hati seseorang terhadap individu tertentu sama ada atas sebab perilaku, kemewahan dan



MOHD YAZID

penampilan. Penggunaan teknologi yang tiada batas menjadikan pembuli siber lebih berani dalam mendera mental mangsa dengan menggunakan kata-kata negatif bagi tujuan menyakitkan hati mangsa lalu memberi penderaan emosi.

"Buli siber ini mudah dilakukan kerana mereka hanya perlu menaip kata-kata yang tidak sepatutnya seperti perkataan hinaan, lucah dan berbau ugutan kepada mangsa supaya dapat menyeksa mental mangsa.

"Selain itu, didikan serta pengetahuan agama dalam diri menjadi punca berlakunya buli siber, sebagai contoh menghina orang dengan perkataan yang tidak sepatutnya, menyiarkan gambar dan membuka aib seseorang," ujarnya.

Mohd Yazid berkata terdapat beberapa tuntutan yang boleh dibuat oleh mangsa buli siber iaitu tuntutan fitnah, tuntutan pampasan untuk tekanan emosi (*Intentional Infliction of Emotional Distress*) serta tuntutan pelanggaran privasi.

"Mangsa boleh memfailkan tuntutan fitnah jika kenyataan atau maklumat yang disebar oleh pembuli siber adalah palsu dan merosakkan reputasi. Pampasan yang boleh dituntut termasuk ganti rugi am, ganti rugi teruk dan ganti rugi teladan. Jika mangsa mengalami tekanan emosi atau trauma, mereka boleh menuntut ganti rugi untuk tekanan emosi. Namun jika buli siber melibatkan pencerobohan privasi seperti penyebaran maklumat peribadi tanpa kebenaran, mangsa boleh menuntut ganti rugi untuk

pelanggaran privasi," ujarnya.

Beliau berkata terdapat beberapa langkah yang perlu diambil untuk melindungi diri dan mengambil tindakan undang-undang terhadap pembuli siber.

"Mangsa perlu menyimpan semua bukti termasuk tangkapan skrin mesej, e-mel, ulasan media sosial dan sebarang komunikasi yang berkaitan. Bukti ini penting untuk membuat laporan polis dan tuntutan di mahkamah. Seterusnya, elakkan bertindak balas terhadap pembuli kerana boleh memburukkan keadaan atau memberi pembuli lebih banyak bahan.

"Gunakan fungsi laporan yang disediakan oleh platform media sosial untuk melaporkan kandungan atau akaun yang menyinggung perasaan. Kebanyakan platform mempunyai dasar menentang buli dan penyalahgunaan," ujarnya.

Mohd Yazid berkata Malaysia belum mempunyai undang-undang yang spesifik berkenaan buli siber dan satu tafsiran jelas berkaitan buli siber diperlukan kerana ketika ini ia boleh terjadi dalam pelbagai sudut.

"Walaupun tiada undang-undang khas, kesalahan buli siber boleh diambil tindakan di bawah Seksyen 211 dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dengan hukuman denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara maksimum satu tahun atau kedua-duanya.

"Saya berpandangan bahawa hukuman tersebut tidak setimpal kerana kesannya yang berpanjangan dan memudaratkan mental serta reputasi mangsa.

Hukuman yang wajar adalah yang bersifat mendidik dan pengajaran kepada masyarakat.

"Pihak kerajaan perlu membuat pindaan ke atas hukuman sedia ada sekiranya pembuli siber mendatangkan kecederaan mental yang teruk kepada mangsa. Hukuman perlulah dilihat sebagai adil dan saksama," ujar beliau.

Dalam pada itu, Mohd Yazid memaklumkan pembuli siber boleh dirujuk di bawah Seksyen 506 Kanun Keseksiaan yang membawa hukuman penjara sehingga tujuh tahun.

"Bagi Seksyen 506, terdapat beberapa bahagian, sekiranya intimidasi itu berupa ugutan untuk menyebabkan kematian (bunuh) atau kesakitan atau kemusnahan harta benda melalui api (kebakaran), hukuman penjara boleh sehingga tujuh tahun.

"Kes-kes ini mesti dipandang serius dan ditangani dengan segera. Kita harus memastikan bahawa undang-undang digubal untuk mengelak daripada berlakunya sebarang penyalahgunaan dan sekiranya berlaku, tindakan

6 JENIS BULI SIBER

pantas harus diambil," tegasnya.

Dalam pada itu, Menteri Digital, Gobind Singh Deo mencadangkan undang-undang baharu bagi meletakkan tanggungjawab kepada pemilik platform media sosial atas penyalahgunaan termasuk buli siber ketika mesyuarat Kabinet baru-baru ini.

CEGAH DARIPADA MEMBARAH

PLATFORM media sosial sewajarnya meningkatkan proses penyederhanaan kandungannya dan meneroka alat dipacu kecerdasan buatan (AI) yang mengesan kandungan berbahaya yang berpotensi menghentikan buli siber sebelum parah.

Mohd Yazid berkata pendekatan ini harus merangkumi algoritma lebih canggih yang dapat mengenal pasti dan menandakan bahasa kasar, gangguan dan tingkah laku berbahaya lain dengan tepat tanpa menjejaskan kebebasan wacana yang sah.

"Literasi digital dan kesedaran

dalam kalangan pengguna penting. Semua pihak perlu mengambil bahagian dalam kempen pendidikan yang mengajar pengguna mengenai tingkah laku dalam talian yang bertanggungjawab, impak buli siber, kepentingan empati dan hormat dalam interaksi digital.

"Dengan kerjasama ini, kita dapat membangunkan strategi menyeluruh untuk menangani punca buli siber, menyediakan sokongan kepada mangsa dan memudahkan persekitaran dalam talian yang lebih selamat," ujarnya.

Beliau berkata semua pihak perlu berganding bahu mewujudkan kesedaran kepada masyarakat mengenai bahaya buli siber terutama di media sosial dan aplikasi sembang seperti *WhatsApp* dan *Telegram* bagi mencegah amalan tersebut.

"Mangsa perlu berani tampil membuat laporan polis, mengambil gambar tangkap layar perbuatan pembuli, menyekat pembuli untuk akses akaun media sosial atau aplikasi sembang," ujarnya.

LAPORKAN INSIDEN BULI SIBER KE SALURAN BERIKUT:

- Polis Diraja Malaysia (PDRM)**
Penguadu boleh hadir ke balai polis berhampiran bagi pembukaan kes dengan laporan secara bertulis
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)**
Penguadu boleh email kepada aduanskmm@mcmc.gov.my
Talian bebas tol 1-800-188-030
- TALIAN / Kasih 15999**
Talian Kasih Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)
Penguadu boleh menelefon talian 15999 yang dibuka 24 jam
Menggunakan aplikasi WhatsApp 019-261 5999
- mercy**
Talian Sokongan Psikososial
03-2935 9935
014-322 3392
011-6399 6482
011-6394 4236
- BeFriendsers**
Talian BeFriendsers
Panggilan percuma ke talian 24 jam 03-7627 2929
www.befriendsers.org.my
- Cyber999**
Laporkan insiden keselamatan siber berkaitan isu-isu teknikal juga boleh terus disalurkan kepada Pusat Bantuan Cyber999
1-300-88-2999
cyber999@cybersecurity.my
019-266 5850
Applikasi Cyber999



Mangsa berisiko jadi pembuli

MANGSA buli siber berpotensi untuk menjadi pembuli sekiranya tidak mendapat sokongan serta rawatan yang diperlukan.

Menurut Pakar Psikologi dan Pakar Rawatan Alternatif, **Dr Wan Fikriah Dania Hamdan**, keadaan itu boleh berlaku sekiranya mangsa merasakan dirinya tidak mendapat sokongan.

“Sebaliknya, mangsa melihat pembuli mendapat kekuatan daripada tindakan dilakukan dan akhirnya, dia yang terjebak menjadi pembuli, kemungkinan bukan untuk membalas dendam tetapi mendapat kekuatan diinginkan,” kata beliau yang dikenali sebagai Dr Dhia.

Dr Dhia berkata implikasi pembulian siber sangat serius menyebabkan mangsa menjadi resah, murung, marah serta berisiko menghadapi tekanan mental sehingga berpotensi membunuh diri sendiri.

Tambahnya, mangsa buli siber lazimnya akan lebih cenderung untuk mengalami kesan psikologi yang berpanjangan berbanding mangsa buli fizikal dan terdapat empat jenis kesan psikologi antaranya psiko-emosi di mana mangsa merasakan maruah dirinya tercemar serta menjadi bahan hinaan kebanyakan pengguna media sosial.

“Bukan itu sahaja, mangsa juga akan bertindak semakin agresif dan menjadi seorang yang pemaarah dan kemungkinan besar orang sekeliling akan berasa tidak senang dengan perubahan drastik mangsa seterusnya membuatkan mereka ini lebih cenderung untuk mengisolasi diri atau dipulaukan oleh rakan-rakan.

“Hal yang sedemikian akan mengganggu perkembangan yang sihat pada usia mereka dan mengakibatkan mangsa mengalami trauma yang teruk sekiranya mangsa adalah kanak-kanak atau remaja.

“Yang kedua adalah psiko-mental. Sebagai contoh buli siber yang berterusan akan menyebabkan mangsa berisiko besar untuk menghidap penyakit mental seperti depresi major atau kecelaruan keresahan sekali gus membuatkan harga kendiri mangsa juga akan semakin rendah dan merasakan dirinya tidak berguna.

“Tekanan emosi yang hebat dan berlarutan akan menyebabkan mangsa ingin mencederakan diri sendiri atau lebih teruk lagi berisiko untuk membuat percubaan membunuh diri. Ini adalah merupakan kemuncak kekejaman jenayah buli siber.

“Seterusnya, mangsa boleh mengalami kesan psiko-tingkah laku yang kebiasaannya berpunca daripada tekanan psikologi. Mereka ini berisiko untuk berubah secara drastik serta lebih teruk lagi berkemungkinan besar akan terjebak dengan kegiatan yang tidak bermoral seperti



DHIA

menyalahgunakan bahan terlarang seperti dadah, rokok dan arak untuk melupakan sekejap tekanan yang dialami oleh mereka.

“Akhir sekali kesan psiko-fizikal yang membuatkan mangsa berisiko untuk mengalami penyakit psikologikal yang mengganggu tabiat pemakanan seperti anoreksia nervosa dan bulimia nervosa.

Buli siber juga akan mengakibatkan mangsa hilang selera makan atau makan lebih banyak daripada biasa.

“Selain itu, mangsa juga akan mengalami gangguan tidur atau dikenali sebagai insomnia ataupun mengalami mimpi ngeri berpanjangan,” ujarnya yang juga merupakan pengasas Klinik Semblance.

Mengulas lanjut, Dr Dhia berkata antara cara untuk mengelakkan diri daripada tertekan dengan perkara tersebut antaranya jangan cuba untuk melawan balik pembuli secara dalam talian atau lebih baik mengabaikan mesej gangguan serta meninggalkan bilik sembang jika perlu sekali gus dapat mengelakkan situasi menjadi semakin buruk.

“Selain itu, mangsa juga boleh meminta bantuan dan nasihat daripada pihak berkuasa dan ambil tangkapan layar (*screenshot*) mesej atau komen gangguan sebagai bukti kerana ia penting untuk proses laporan kepada pihak berkuasa seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) atau tindakan undang-undang selanjutnya.

“Mangsa juga perlu menjaga kesihatan mental dengan jangan membiarkan buli siber menjejaskan harga diri atau kesejahteraan emosi, cari aktiviti yang digemari serta tumpukan perhatian pada aspek positif dalam hidup anda dan sekiranya ia menjejaskan mental, jangan teragak-agak untuk mendapatkan bantuan daripada kaunselor atau pakar,” ujarnya.

Jelasnya lagi, pembulian siber sukar dikesan berbanding buli fizikal kerana ia berlaku secara dalam talian dan mungkin terdapat individu yang tidak menyedari bahawa mereka sudah menjadi mangsa.

“Antara tanda-tanda mangsa buli siber antaranya adalah mengasingkan diri daripada kawan-kawan dan keluarga; mengalami tekanan emosi semasa dan selepas penggunaan Internet; kelihatan gelisah apabila menerima e-mel atau mesej; mengelakkan perbincangan mengenai komputer atau telefon bimbit; mengalami perubahan tingkah laku, tidur, emosi dan selera makan; mudah marah serta gred dan prestasi di sekolah menurun,” katanya.



MANGSA 1

“**SAYA** pernah menjadi mangsa buli di sekolah dan perkara tersebut seperti tiada kesudahan apabila turut menjadi mangsa buli siber di awal percubaan saya untuk membuat *content* di media sosial pada tahun 2021.

“Minat dan hobi saya melukis jadi apa yang saya cuba kongsi adalah hasil lukisan serta beberapa teknik buat mereka yang mahu mula melukis namun terdapat beberapa komen negatif beserta perkataan kesat seperti ‘*content* tak menarik, *unsubscribe*’; ‘tak lawa benda kau lukis ni macam ban*’; ‘Bo** punya *content*, jangan buat vlog la’ dan banyak lagi yang diselit di ruangan komen membuatkan saya berdepan dengan masalah kemurungan serta berubah menjadi seorang pendiam.

“Tapi saya berjaya lawan dan atasi segalanya di mana sekarang saya sudah pun mempunyai seramai lebih 5,000 pengikut di *YouTube* serta mempunyai kelas melukis sendiri malah ramai juga selebriti pernah menggunakan khidmat saya. Mengatasi kemurungan akibat buli siber tidak mudah dan amat memerlukan sokongan daripada orang sekeliling, hentikanlah buli siber, tiada kebaikan diperoleh daripada perbuatan tersebut.”



MANGSA 2

“**PENGALAMAN** hitam itu bermula apabila saya menjadi pelanggan kepada seorang pengengaruh di mana berlakunya kesalahan dalam sesi jual beli yang membawa kepada pengengaruh tersebut memalukan serta mengutuk tubuh badan saya dalam media sosialnya.

“Disebabkan individu tersebut mempunyai pengaruh serta pengikut yang ramai, saya turut dikecam oleh para pengikutnya di media sosial tersebut sehingga membuatkan saya mengalami depresi yang teruk, mengganggu keharmonian rumah tangga serta timbulnya rasa mahu bunuh diri.

“Pada permulaannya, saya sudah berbincang dengan pihak sana untuk menarik semula hantaran tersebut namun tidak mendapat kerjasama yang baik membuatkan saya membawa kes ini ke mahkamah dan

sehingga kini ia masih dalam proses. Walaupun begitu individu tersebut masih tidak berhenti daripada berkata buruk mengenai saya di media sosialnya dan mengajak pengikutnya untuk sama-sama berkata buruk mengenai saya.

“Saya tidak mempunyai sesiapa untuk meluahkan apa yang terjadi sehingga membuatkan saya *anxiety* dan rasa takut serta paranoid untuk keluar berjumpa dengan orang lain. Saya juga mengalami masalah imsonia hanya disebabkan mulut jahat manusia. Buli siber bukanlah perkara yang kecil kerana ia boleh hancurkan hidup seorang manusia. Saya cuma berharap pihak mahkamah dapat memberi keadilan untuk saya. Jangan pandang ia isu ringan sebelum ia menarik lebih ramai nyawa individu yang tidak bersalah.”



MANGSA buli siber lazimnya alami kesan psikologi berpanjangan.

DARI kiri, duduk Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Kamarulzaman Mat Salleh; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa; Ahli Parlimen Wangsa Maju, Zahir Hassan dan Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk TPr Fadhil Mak Ujud bersama barisan YB Belia yang mewakili 13 kawasan parlimen.



Sidang Belia gilap YB muda

AZLAN ZAMBRY

DALAM landskap politik hari ini yang dinamik dan sering bergolak, peranan belia dalam membentuk masa depan Malaysia adalah lebih penting berbanding sebelum ini.

Menyedari hakikat itu, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) menyediakan platform penting yang bertujuan untuk mengasah bakat, memupuk kualiti kepimpinan dan membentuk generasi yang bersedia untuk mengemudi bahtera menuju ke hadapan.

Sebagai sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian dan kerencaman, Wilayah Persekutuan menghadapi cabaran yang memerlukan penyelesaian inovatif dan kepimpinan berwawasan.

Dengan menjadikan generasi muda sebagai aset penting negara yang mempunyai potensi untuk memacu perubahan dan kemajuan, Sidang Belia Wilayah Persekutuan (SBWP) disediakan untuk memperkasa dan melengkapkan mereka dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan.

SBWP yang julung kali diadakan berlangsung selama tiga hari dan di sertai 65 Yang Berhormat (YB) Belia yang mewakili 13 kawasan Parlimen seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Persidangan belia berfungsi sebagai pemangkin untuk pemerksaan tersebut. Mereka menyediakan persekitaran berstruktur di mana anak muda Malaysia boleh terlibat dalam dialog, bertukar idea, dan mengambil bahagian dalam aktiviti yang direka untuk meningkatkan keupayaan kepimpinan mereka. Persidangan selalunya menampilkan bengkel, seminar dan perbincangan panel yang diketuai oleh pakar dan pemimpin berpengalaman, menawarkan cerapan tentang tadbir urus, penggubalan dasar dan penglibatan komuniti.

Selain itu, persidangan belia di Malaysia memberi tumpuan kepada

memupuk bakat merentasi pelbagai bidang daripada keusahawanan dan teknologi kepada aktivisme seni dan sosial. Dengan menggalakkan inovasi dan kreativiti, platform ini memberi inspirasi kepada minda muda untuk berfikir secara kritis dan proaktif tentang cabaran yang dihadapi oleh komuniti mereka dan negara secara amnya.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa sebanyak 15 usul dikemukakan dan tiga daripada usul berkenaan ditolak.

“Usul yang diberikan itu merangkumi beberapa kluster termasuk soal ekonomi, sosial, teknologi, perundangan dan dasar, alam sekitar serta kelestarian alam.

“Kebanyakan isu yang dibawa menyentuh soal perumahan belia dan topik yang agak luas dibincangkan oleh mereka dan setiap usul tersebut akan dibincangkan di peringkat sekretariat untuk tujuan padanan terhadap setiap dasar semasa dan program-program JWP dan agensi,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan penggulungan SBWP 2024 pada Isnin.

Menurut Zaliha, kualiti perbincangan dan usul yang diketengahkan dalam persidangan tiga hari itu amat memuaskan berikutan banyak isu yang dibincangkan selari dengan kehendak rakyat dan kerajaan.

“Antara usul yang dibahaskan adalah perumahan mampu milik untuk golongan muda, isu gaji progresif dan peluang pekerjaan.

“Isu yang dibincangkan itu sememangnya dekat di hati rakyat dan sering disebut-sebut oleh rakyat terutama golongan belia,” katanya.

Zaliha berkata terdapat permintaan supaya sidang akan datang diadakan sebelum sesi Belanjawan.

“Jadi saya akan pertimbangkan kerana itu adalah cadangan baik supaya mereka dapat beri maklum balas sebelum kita kemukakan cadangan Bajet kepada Kementerian Kewangan,” katanya.



Borak isu hangat dalam Padu Podcast



DIANA AMIR

AUDIO siar, digital audio atau podcast adalah program sembang atau bual menerusi medium audio digital dan amat popular di Amerika Syarikat (AS), United Kingdom (UK) dan Australia, tetapi belum begitu meluas di Malaysia sebelum ini.

Namun kebelakangan ini ia menunjukkan trend peningkatan apabila munculnya pelbagai siaran *podcast* baik daripada pengengaruh, selebriti mahupun ahli politik.

Menerusi *podcast*, kita akan mendengar orang bercakap dan bercerita tentang sesuatu sama ada dalam bentuk siri perbincangan, ulasan, puisi, muzik, buku audio, berita atau dokumentari.

Masyarakat kini lebih memilih medium tersebut sebagai media yang digunakan untuk mengakses maklumat, hiburan dan pembelajaran.

Selain itu, *podcast* juga memberikan keunikan tersendiri berbanding radio dengan kelebihan utamanya adalah membolehkan pendengar memilih topik

diminati dengan mudah kerana dikelompokkan mengikut kategori.

Digital audio yang dihasilkan dalam bentuk rakaman ini mula diperkenalkan sejak 2004 dan dalam memanfaatkan trend terkini serta kelebihan *podcast*, YWP Media Sdn Bhd juga tidak ketinggalan mewujudkan platform audio siarnya tersendiri yang bermatlamatkan untuk berkongsi maklumat dan pengetahuan kepada pendengar.

Menurut Pengerusi YWP Media Sdn Bhd, **Datuk Afdlin Shauki Aksan**, Padu Podcast membicarakan mengenai isu semasa yang menjadi bualan netizen di dalam media sosial khususnya.

“Setiap minggu kita akan berborak bersama seorang panel atau pakar mengenai satu topik yang menarik dan akan kupas dengan lebih mendalam sama ada berkenaan punca berlakunya perkara tersebut, kesan serta cara terbaik untuk atasinya.

“Dari segi persembahan, saya boleh katakan

mungkin ada sedikit hiburan atau jenaka namun pemilihan topik adalah serius kerana kami ingin Padu Podcast ini berdiskusi dengan masyarakat tentang perkara berat yang harus dibincangkan secara umum,” katanya kepada *Wilayahku*.

Mengulas lanjut, Afdlin berkata sasaran pendengar Padu Podcast adalah mereka yang ingin mengetahui berkenaan isu semasa yang dikupas dengan lebih mendalam bersama pakar terpilih.

“Objektif kami sangat terang iaitu mahu memberi pemahaman serta pencerahan kepada mereka yang mendengar.

“Selain itu, pemilihan panel adalah terdiri daripada mereka yang merupakan pakar dalam sesuatu bidang dan berkait rapat dengan topik yang dipilih manakala pemilihan topik pula adalah berdasarkan betapa panasnya isu tersebut serta menjadi buah mulut netizen sama ada dalam mahupun luar media sosial.

“Sebagai contoh sekarang ini sedang hangat berkenaan kutipan derma daripada orang yang membawa penjenamaan Islam. Mungkin kita akan bincangkan perkara tersebut bersama seorang ustaz atau sesiapa yang berkenaan kerana saya percaya masyarakat perlu mengetahui apa yang boleh dan tak boleh serta perkara ini sangat penting untuk kita beri pemahaman kepada mereka di luar sana agar mengetahui cerita kedua-dua belah pihak terlebih dahulu sebelum menjatuhkan hukuman seperti menghina atau *banned* mana-mana individu atau syarikat,” jelasnya.



SEGMENT KHUSUS

BERKONGSI lanjut, Afdlin berkata untuk siaran pertama Padu Podcast, pihaknya membincangkan berkenaan penderaan kanak-kanak yang menjadi tumpuan masyarakat selepas insiden kanak-kanak autisme, Zayn Rayyan yang ditemui maut pada Jun lalu.

“Bagi topik berkenaan, kita telah menjemput Penganalisis Jenayah,

Kamal Affandi Hashim yang juga merupakan mantan pegawai di Polis Diraja Malaysia (PDRM). Beliau juga ada berkongsi sedikit berkenaan kes Zayn Rayyan serta membincangkan secara umum bagaimana orang ramai boleh mengenal pasti sekiranya kanak-kanak tersebut sedang mengalami penderaan atau dipukul oleh kedua ibu bapa.

“Itu adalah antara perkara yang kita tekankan di dalam *podcast* kerana saya percaya amat penting untuk mengetahui tanda-tanda tersebut supaya kanak-kanak itu dapat diselamatkan sebelum berlakunya sesuatu perkara yang lebih teruk sebagaimana kes-kes yang pernah dilaporkan media kini,” ujarnya yang juga merupakan moderator dalam Padu

Podcast.

Menyedari trend mewujudkan siaran *podcast* yang tumbuh bagai cendawan selepas hujan di negara ini, Afdlin berkata tujuan utama Padu Podcast bukanlah untuk bersaing dengan mana-mana siaran *podcast* yang lain.

“Seperti yang saya tekankan sebelum ini matlamat utama kita adalah untuk membawa topik yang diharapkan mendapat minat daripada pendengar dengan sendirinya iaitu dengan mengutarakan topik-topik semasa serta menjadi wadah buat masyarakat berdiskusi bersama profesional.

“Sasaran utama kami adalah untuk memanggil Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Padu Podcast bagi berkongsi sedikit maklumat mengenai apa yang sedang beliau usahakan serta harapan terhadap rakyat Malaysia. Semoga suatu hari nanti ia bakal menjadi kenyataan,” katanya.

Tambah beliau, Padu Podcast akan mula bersiaran pada minggu pertama Ogos 2024 menerusi platform media sosial *Wilayahku* di *YouTube*, *Facebook* dan *TikTok*.

Berkongsi mengenai perancangan akan datang, Afdlin berkata pihaknya dalam perancangan untuk menambah segmen pengkhususan dalam masa terdekat.

“Akan terdapat penambahan *podcast* sebagai contoh pengkhususan untuk segmen hiburan, berita, hal ehwal semasa dan mungkin akan ada satu *podcast* dalam bahasa Inggeris,” ujar beliau. 📌





Daulat Tuanku

Merafak Sembah Ucapan Setinggi-Tinggi Tahniah



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
SULTAN IBRAHIM**

sempena

**Pertabalan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-17**

pada

20 Julai 2024 Bersamaan 14 Muharam 1446H

**“Semoga Allah Subhanahu Wa Ta’ala Memberkati Pemerintahan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku”**

sembah takzim daripada



Kopi tempatan intai peluang ke luar negara

SYED HAZIQUE

THE A. Food Sdn Bhd yang merupakan pengendali rangkaian makanan dan minuman kopi di bawah Dosz Coffee mahu melebarkan sayap pembukaan cawangan di peringkat antarabangsa.

Pengarah Operasinya, **Amir Faris Abdul Aziz** berkata pihaknya sedang dalam perancangan bagi memperluaskan jenama Dosz Coffee ke luar negara dalam masa terdekat.

Menurut Amir Faris, pasukannya kini sedang meneliti beberapa aspek penting sebelum memuktamadkan keputusan dan negara seperti Singapura serta Australia merupakan antara pilihan destinasi.

“Setakat ini, memang kami ada perancangan untuk membuka beberapa cawangan di peringkat antarabangsa, namun beberapa faktor perlu diambil kira sebelum memuktamad keputusan.

“Kami kena fikir beberapa faktor penting antaranya daripada segi pasaran di sana, tempat-tempat *hot spot* yang perlu kita ambil maklum.

“Kami bukannya hanya mahu sekadar membuka tetapi hendak membina tapak untuk terus mengembangkan jenama Dosz Coffee ini,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Pembukaan Dosz Coffee cawangan Menara BT di Bangsar South, baru-baru ini.

Jelas Amir Faris, beliau yakin bahawa jenama Dosz Coffee yang juga merupakan jenama usahawan tempatan dapat menarik hati



AMIR (kanan) selepas merasmikan Majlis Pembukaan Dosz Coffee cawangan Menara BT di Bangsar South, baru-baru ini.

penggemar-penggemar kopi di luar negara.

“Kami amat yakin dengan hasil produk yang dikeluarkan mampu untuk menarik penggemar-penggemar atau pencinta-pencinta kopi dengan aroma serta keunikan rasa kopi kami.

“Dosz Coffee selaku jenama tempatan mampu bersaing berkembang lebih jauh setanding dengan produk-produk kopi luar negara.

“Ia bukan sesuatu yang

mudah untuk dilakukan, walau bagaimanapun ia bukan sesuatu yang mustahil untuk dilaksanakan,” ujarnya.

Sementara itu, Amir turut menyatakan setakat hari ini, Dosz Coffee mempunyai kira-kira 11 cawangan di seluruh negara.

Tambahnya, pasukannya bercadang untuk mempunyai anggaran sekitar 25 hingga 30 cawangan di seluruh negara pada tahun ini.

“Kami bercadang pada akhir

tahun ini, untuk mempunyai sekitar 25 ke 30 cawangan Dosz Coffee di seluruh negara.

“Kami memang ada perancangan untuk mengembangkan jenama ini lagi memandangkan orang ramai, juga menerima jenama kopi kami.

Katanya, antara cawangan Dosz Coffee selain Menara BT ialah di Tower 3, Avenue 7, Bangsar South, Wisma Consplant, Bangunan MCMC, serta TRX.

Dalam pada itu, Amir Faris menyatakan sejak beroperasi Dosz



Coffee menumpukan perhatian kepada pelanggan dalam kalangan pekerja pejabat.

Walau bagaimanapun, tegasnya, pada suku ketiga tahun ini, jenama kopi tempatan itu akan mengembangkan *outlet* di beberapa buah stesen minyak di seluruh negara.

“Kami baru selesai menandatangani perjanjian dengan sebuah syarikat stesen minyak terkemuka di Malaysia dan sedang membuat persiapan terakhir dari segi logistik dan kelengkapan bagi memastikan cawangan ini dibuka mengikut tarikh ditetapkan.

“Menerusi inisiatif ini, pelan perancangan strategik lima tahun Dosz Coffee yang menyasarkan pembukaan 100 cawangan menjelang 2029 dapat dicapai,” ujarnya. 📌

Nikmati keenakan raja buah terus dari dusun

BALIK Pulau sememangnya terkenal sebagai syurga durian dalam kalangan penggemar raja buah itu.

Selain rakyat tempatan, pekan kecil yang terletak di belakang Bukit Bendera dan menghadap Selat Melaka itu turut menjadi tumpuan pelancong luar negara yang tidak mahu ketinggalan merasai keenakan lebih 30 variasi durian yang terdapat di situ.

Musim durian dirai bagaikan pesta apabila puluhan gerai jualan boleh dilihat di sepanjang jalan dengan rata-ratanya dipenuhi pelanggan yang ingin mendapatkan durian segar dibawa terus dari dusun berhampiran.

Pemilik Wong Durian House, **James Wong**, 59, berkata dia menerima ramai pelancong antaranya dari China, Hong Kong, Indonesia dan Singapura sejak memperkenalkan konsep pelancongan agro di dusunnya tiga tahun lepas.

“Konsep makan di dusun mendapat sambutan menggalakkan terutama pada hujung minggu.

“Saya harap satu hari nanti dapat

besarkan ruang untuk pelanggan dan tambah baik lagi fasiliti serta kemudahan untuk keselesaan orang ramai,” katanya ketika ditemui di dusunnya di Sungai Pinang.

Menurut Wong, dusun berkenaan diusahakan datuknya sekitar 1920-an dengan permulaan hanya 50 pokok durian dan telah mencecah 150 pokok pelbagai jenis antaranya Capri, Musang King, Duri Hitam, Udang Merah, D2, D14 dan D15.

Kini, Wong Durian House diuruskan generasi keempat iaitu anak lelakinya Wong Yon Wen yang membantu promosi melalui media sosial.

Peniaga durian di Anjung Indah, Mohd Fazli Abdul Rahman berkata musim durian di Balik Pulau unik dan istimewa berbanding di



WONG mengusahakan dusun durian yang terletak di Balik Pulau.

kawasan lain disebabkan pelbagai variasi buah.

“Tempat lain mungkin ada dua, tiga jenis durian tetapi Balik Pulau ada lebih 30 jenis.

Itu yang membuatkan durian Balik Pulau berbeza dengan tempat lain,” katanya yang sudah lima

tahun berniaga di situ.

Sementara itu pelancong Indonesia yang dikenali sebagai Susan, 48, berkata dia mengetahui mengenai konsep makan durian di dusun menerusi Facebook dan datang bersama tiga rakannya untuk merasai sendiri suasana alam

semula jadi dan keenakan buah itu.

Ivy Lau, 40, pula berkata dia datang dari Kuala Lumpur bersama suami dan kedua ibu bapa bagi merasai keenakan durian Balik Pulau yang disifatkannya berkualiti tinggi dan tidak sama dengan durian di tempat lain.

“Saya lebih suka konsep begini berbanding beli di gerai kerana kita tidak tahu sama ada buah itu segar atau tidak, tetapi di sini kita tahu buah ini datang terus dari dusun,” katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Ekonomi Kreatif Pulau Pinang, Wong Hon Wai berkata tahun ini, musim durian di Pulau Pinang melalui tiga gelombang iaitu pertama Mei hingga awal Jun diikuti pertengahan Jun hingga Julai dan gelombang ketiga dijangka bermula Ogos hingga September.

Pulau Pinang mempunyai lebih 30 variasi durian antaranya Dato Nina (D2), Lipan Bara, Ikan Emas, Kulit Hijau (D165), Tekka (D160), Labu (D163), Lipan, Kunyit, Ang Bak Kia, Khoon Poh (D164), Ais Krim, Lin Feng Jiao, Muntri (D14) dan Yi Dian Hong. - **BERNAMA**



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim meluangkan masa bertemu dan berwacana bersama sarjana dan pemikir tempatan serta luar negara seperti Azerbaijan, Bosnia, England dan Turkiye di Seri Perdana pada Selasa.



TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof menerima kunjungan SEDC Energy Sdn Bhd (SEDCE), anak syarikat Perbadanan Kemajuan Ekonomi Sarawak (SEDC), di pejabatnya pada Rabu.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa menghadiri Sidang Belia Wilayah Persekutuan yang diadakan baru-baru ini.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar menghadiri Majlis Apresiasi Ahli-Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).



ISTERI Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail merasmikan Program Agihan Bantuan Barangan Basah Keluarga B40 di Dewan Blok 8 PPR Desa Tun Razak kerjasama antara Pejabat Ahli Parlimen Bandar Tun Razak dengan Kelab Gerakan Prihatin Negara.



MENTERI Perdagangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani menerima kunjungan hormat daripada Penasihat Perdana Menteri Thailand merangkap Wakil Perdagangan Thailand, Profesor Dr Narumon Pinyosinwat; Duta Besar Thailand ke Malaysia, TYT Lada Phumas dan Pengerusi Rubber Authority of Thailand (RAOT), Dr Peek Lert Wangphong di Laman Rasmi Lembaga Getah Malaysia (LGM).

Skim Prihatin YWP

Seramai 4,564 waris terima manfaat

DIANA AMIR

SERAMAI 4,564 waris menerima manfaat daripada Skim Prihatin Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) di bawah khairat kematian berupa sumbangan wang tunai berjumlah RM1,000 sehingga RM2,500 sejak tahun 2010 sehingga kini.

Menurut Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWP, **Mohamad Raimi Ab Rahim**, skim tersebut direka khusus untuk membantu meringankan beban keluarga yang kehilangan orang tersayang.

"Ia juga sebagai sokongan moral dan emosional kepada keluarga yang ditimpa musibah selain memastikan kesejahteraan dan

kebahjikan masyarakat Wilayah Persekutuan sentiasa terjaga melalui bantuan yang diberikan.

"Objektif Skim Khairat Prihatin adalah memberi bantuan kewangan segera kepada keluarga bagi menguruskan kos pengubuman dan perbelanjaan berkaitan. Apabila terdapat ahli yang meninggal, waris perlulah membuat tuntutan dalam tempoh masa 14 hari dari tarikh kematian dan cukup syarat.

"Kita akan menilai terlebih dahulu sebelum meluluskan dan waris perlu memenuhi semua kriteria bagi memudahkan urusan permohonan skim ini," jelasnya yang juga merupakan Pegawai

Tugas-Tugas Khas kepada Perdana Menteri.

Tambahnya sepanjang tahun 2024, YWP menerima 23 kes dan sebanyak 20 permohonan telah diluluskan manakala tiga lagi ditolak kerana pemohon tidak memperbaharui keahlian seperti ditetapkan.

"Mereka yang layak menerima skim tersebut adalah ahli skim sedia ada dan telah berdaftar, memperbaharui keahlian pada




MOHAMAD RAIMI (tengah) ketika menyampaikan Cek kepada lima orang waris baru-baru ini.

setiap tahun, pengundi di Wilayah Persekutuan dan nama waris yang telah didaftarkan sahaja boleh menuntut skim ini manakala sumbangan diberikan dalam bentuk cek kepada waris," ujarnya.

Mengulas lanjut, Mohamad Raimi berharap program tersebut

terus mengukuhkan nilai-nilai kemanusiaan dalam masyarakat dan memastikan tiada yang terpinggir dalam situasi kecemasan.

Untuk rekod, Skim Prihatin YWP merupakan antara inisiatif bantuan kewangan dan mempunyai seramai 55,761 ahli berdaftar. 

Hafaz Al-Quran rahsia peroleh keputusan 12A



AZIZAH (tiga kiri) menyampaikan sumbangan serta trofi kepada pelajar-pelajar cemerlang SPM 2023.



UMAR (tengah) meraikan kejayaannya bersama ahli keluarga.

JELAS terpancar kegembiraan di wajah pelajar-pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023 Parlimen Bandar Tun Razak apabila diraikan dalam Majlis Apresiasi SPM 2023 Bandar Tun Razak.

Berkongsi keterujaan, pelajar cemerlang, **Umar Al Faruq Rizaidi**, 18, berkata dia amat berterima kasih kepada pihak yang sudi menyampaikan sumbangan kepada dirinya dan juga rakan-rakan sepejuangan lain.

"Alhamdulillah untuk SPM 2023 saya berjaya memperoleh keputusan cemerlang 12A (8A+ dan 4A). Jujur menitik air mata

kegembiraan ketika itu tambahan pula ibu bapa turut bersama-sama mengambil keputusan tempoh hari.

"Saya berusaha keras dan alhamdulillah Allah adalah sebaik-baik perancang. Saya rasa ini juga salah satu kelebihan menghafaz Al-Quran membuatkan saya mudah memahami serta mengingat subjek yang dipelajari," kata anak sulung daripada lima orang adik-beradik ini.

Dia yang merupakan pelajar Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (SMISTA) berkata memandangkan mereka mempunyai sesi mempelajari Al-Quran,

para pelajar perlu bijak untuk membahagikan masa di antara menghafaz Al-Quran dan akademik.

Berkongsi perancangannya, Umar berkata sejak kecil dia menyimpan cita-cita untuk bergelar doktor pakar.

"Ketika ini saya telah mendapat tawaran kemasukan ke Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi pengajian asasi dan saya akan mula bekerja keras daripada situ untuk mengejar impian saya," ujarnya.

Seorang lagi pelajar SMISTA, **Balqis Insyirah Afyan**, 18, berkata dia tidak menyangka berjaya memperoleh keputusan cemerlang


12A dan sangat berterima kasih kepada ibu bapa, rakan-rakan serta guru-guru yang banyak membantu dirinya dari pelbagai aspek.

"Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Parlimen Bandar Tun Razak yang memberi sumbangan kepada pelajar di sini dan ia akan menjadi pembakar semangat buat kami," ujarnya yang ingin menjadi seorang akauntan.

Sementara itu, **Faiznur Najma Ahmad Razi**, 18, berkata dia menyedari tahap kebolehnya dan tidak pernah menyangka tergolong dalam kalangan lima orang yang berjaya memperoleh keputusan

12A di SMISTA.

"Saya merancang untuk menyambung pengajian dalam Program Asasi Sains Sosial di Universiti Malaya (UM) dan selepas Ijazah Sarjana Muda saya akan sambung program The Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) untuk menjadi akauntan," kongsi.

Terdahulu, seramai 730 pelajar cemerlang telah diraikan di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (IDB). Para pelajar menerima sumbangan wang tunai bermula RM100 sehingga RM250 selain sumbangan sebanyak RM5,000 turut diberikan kepada setiap Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di 21 buah sekolah di Parlimen Bandar Tun Razak. 



BALQIS



FAIZNUR



MCMC terus mendidik pengguna Perlu Klik Dengan Bijak

KHAIRUL IDIN

PEMBANGUNAN teknologi komunikasi dan multimedia yang pesat pada masa kini menunjukkan peningkatan kadar penembusan jalur lebar yang menyeluruh sewajarnya menjadi pemangkin ke arah kemajuan negara.

Namun, tidak dinafikan bahawa literasi Internet pada masa kini pula dikhuatiri mampu menjejaskan nilai budaya bangsa dan negara jika tiada langkah pencegahan diambil.

Selain itu, jenayah siber melibatkan elemen seksual dalam talian juga mencatatkan peningkatan yang membimbangkan sekali gus mengancam generasi muda yang mempunyai akses terus terhadap Internet.

Untuk mengatasi masalah itu, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sudah mengambil beberapa pendekatan utama menerusi tiga prinsip keselamatan di Internet iaitu keselamatan, kewaspadaan dan tanggungjawab yang menitikberatkan kawal selia sendiri.

Menurut Ketua Bahagian Koordinasi Negeri MCMC, **Bukhari Yahya**, penganjuran Karnival Jom Bijak Internet memberi didikan kepada masyarakat untuk meningkatkan rasa tanggungjawab pengguna Internet di negara ini.

Katanya, selain usaha kerajaan iaitu dari segi pemantauan dan penguatkuasaan, pendekatan berteraskan pendidikan kepada masyarakat amat penting agar statistik mangsa jenayah siber dapat dikurangkan.

"Kita menekankan prinsip Rukun Negara dengan merangkumi semua perkara yang perlu diamalkan dalam kehidupan rakyat

Malaysia dari pelbagai peringkat umur dan latar belakang sama ada dalam realiti mahu pun di alam maya.

"Selain itu, kita juga melaksanakan pelbagai pengisian pada penganjuran ini antaranya ceramah Klik Dengan Bijak, Bahaya Jenayah Siber, Larian Fun Run dan sebagainya.

"Kita berharap dengan aktiviti seumpama ini dapat meningkatkan kesedaran, kefahaman dan ukhuwah di antara agensi yang terlibat dengan komuniti," katanya kepada media pada Karnival Jom Bijak Internet 2024, di Kampung Bukit Kuda, baru-baru ini.

Terdahulu, program dihadiri lebih 1,000 penduduk termasuk kanak-kanak.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan, **Simsudin Sidek** menyeru masyarakat supaya berwaspada dan tidak terbabit dalam jenayah siber.

Katanya, penganjuran karnival itu mampu memberi kesedaran kepada masyarakat khususnya di luar bandar dan yakin ia memberikan kesan positif dalam memahami kesedaran penggunaan Internet dengan bijak.

"Kita ucapkan terima kasih kepada MCMC kerana memilih Kampung Bukit Kuda bagi menganjurkan karnival ini dan berharap masyarakat setempat mengambil peluang dan ilmu ini dengan sebaiknya.

"Selain itu, kita turut mengharapkan agar karnival ini sentiasa dipergiatkan secara berterusan ke beberapa buah kampung di sini agar ia dapat dimanfaatkan oleh semua penduduk di pulau ini bagi meningkatkan kesedaran siber mereka," katanya.

LABUAN CATAT PENURUNAN

SEBANYAK 20 hingga 30 peratus penurunan kes melibatkan siber dicatatkan di Labuan bagi tempoh Januari hingga Jun tahun ini.

Pegawai Jabatan Cawangan Khas Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Labuan, Asisten Superintendan (ASP) Mohd Dzulkiflee Emmanuel Abdullah berkata dalam tempoh itu sebanyak 185 kes jenayah siber berbanding 250 kes dicatatkan pada tahun sebelumnya.

Katanya, hasil siasatan mendapati semua kes itu tidak hanya membabitkan penduduk di pulau ini malahan dari luar.

"Berdasarkan rekod laporan yang kami terima, aduan dan laporan jenayah siber di Labuan ketika ini telah menurun.

"Antaranya ialah unsur penipuan menerusi jualan yang diiklankan di media sosial," katanya.

Beliau turut menasihatkan masyarakat agar sentiasa berwaspada apabila melakukan pembelian secara dalam talian supaya tidak menjadi mangsa jenayah siber.



KANAK-KANAK turut menyertai acara yang diadakan sepanjang karnival.



Inisiatif JWP beri kesan positif terhadap perbelanjaan isi rumah

MyGrocer@Wilayah ringan beban B40

KHAIRUL IDIN

INISIATIF MyGrocer@Wilayah yang julung kali diperkenalkan oleh Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) di Pulau Bebas Cukai ini mendapat sambutan memberangsangkan daripada penduduk khususnya golongan B40.

MyGrocer@Wilayah dilaksana bermula awal Julai ini menjadi perhatian penduduk yang mengambil peluang untuk mendapatkan barangan keperluan harian dengan kadar harga rendah berbanding harga syiling.

Bagi seorang suri rumah, **Erna Asnan**, 38, menyifatkan inisiatif yang dilaksanakan oleh JWP itu amat membantunya sekeluarga bagi mendapatkan barangan keperluan dengan harga yang lebih murah berbanding di pasar raya.

Katanya, dengan adanya inisiatif itu dapat meringankan beban dari segi kos perbelanjaan harian kerana barangan yang ditawarkan oleh MyGrocery@Wilayah amat berpatutan.

“Saya amat bersyukur kepada pihak kerajaan khususnya JWP kerana telah mengadakan inisiatif yang baik ini untuk membantu kami yang berpendapatan rendah mendapatkan barangan harian yang berkualiti pada harga murah.

“Jika dibandingkan dengan kadar harga yang



TRAK MyGrocer@Wilayah membantu warga tempatan mendapatkan bekalan makanan dengan harga lebih murah.

dikenakan di tempat lain dengan harga yang ditawarkan di MyGrocer@Wilayah ia berbaloi walaupun perbezaan harga itu tidak lah jauh namun dapat memberikan penjimatan yang banyak kepada golongan B40,” katanya kepada *Wilayahku*, baru-



ERNA

baru ini. “Cadangan saya agar MyGrocer@Wilayah menambah lagi barangan keperluan asas seperti sayur-sayuran dan barangan mentah,” katanya. Sementara itu, seorang pekerja swasta, **Ronney Micheal**, 35, menyokong penuh usaha untuk meneruskan program itu kerana bakal membantu masyarakat pulau



RONNEY

Tambah ibu, kepada tiga cahaya mata itu, dia mencadangkan penambahan beberapa barangan keperluan asas yang lain.


“Bagi saya ketika ini, barangan yang ada begitu terhad dan hanya ada barangan dalam bentuk kuantiti yang besar serta tidak banyak pilihan.

“Saya rasa memang ini satu berita yang baik kerana bila program sebegini diteruskan, akan beri kelebihan kepada rakyat lagi-lagi penduduk kampung,” katanya.


Seorang peniaga yang terlibat dalam membekalkan barangan mentah, **Sabni Sabtu**, 52, bersyukur kerana diberi peluang untuk menjana pendapatan buat keluarganya melalui inisiatif yang diperkenalkan JWP.




SABNI

“Saya merupakan pembekal sayur-sayuran untuk MyGrocer@Wilayah di Labuan selain itu juga turut terlibat dalam pengoperasian inisiatif ini apabila diperlukan,” katanya. 

Seorang peniaga yang terlibat dalam membekalkan barangan mentah, **Sabni Sabtu**, 52, bersyukur kerana diberi peluang untuk menjana pendapatan buat keluarganya melalui inisiatif yang diperkenalkan JWP.

“Saya merupakan pembekal sayur-sayuran untuk MyGrocer@Wilayah di Labuan selain itu juga turut terlibat dalam pengoperasian inisiatif ini apabila diperlukan,” katanya. 

“Saya merupakan pembekal sayur-sayuran untuk MyGrocer@Wilayah di Labuan selain itu juga turut terlibat dalam pengoperasian inisiatif ini apabila diperlukan,” katanya. 

Tiada catuan bekalan elektrik

SABAH Electricity Sdn Bhd (SESB) memberi jaminan tidak berlaku catuan terhadap bekalan elektrik di Labuan berdasarkan kapasitinya yang mencukupi.

Menurut Pengurus Besar Kanan SESB, **Ir Mohd Yusmanizam Mohd Yusof**, pihaknya telah memperkasakan kapasiti penjanaan tenaga dan terkini melalui projek penyewaan lebih 100 unit set jana kuasa (rental gensets) yang baharu.

Katanya, pengoperasian sepenuhnya set-set janakuasa di beberapa lokasi strategik di Labuan, Sandakan dan Lahad Datu, Sabah telah memberi kesan yang amat positif terhadap *sustainability* Sistem Grid Sabah dan Labuan.

“Projek-projek ini mula dioperasikan secara berperingkat bermula pada bulan Februari yang lalu manakala fasa kedua projek di Labuan siap sepenuhnya pada bulan Jun ini.


“Selepas bulan Mei ini, kita memberikan jaminan tiada lagi berlakunya catuan bekalan berlaku di Labuan,” katanya kepada pemberita, baru-baru



SET janakuasa baharu mampu meningkatkan bekalan elektrik di Labuan.

ini.

Tambahnya, kapasiti di Labuan keseluruhan penjanaan yang dihasilkan menerusi set jana kuasa adalah pada 135 MegaWatt (MW) berbanding permintaan beban pengguna sebanyak 70MW sahaja.

“Bagi kapasiti lebih tenaga di Labuan ini, ia dieksport ke Sabah melalui Sistem Grid setiap hari bagi membantu memastikan Sistem Grid secara keseluruhannya di kedua-dua wilayah adalah baik,” katanya. 

58 Pati diberkas setakat Jun

JABATAN Imigresen Malaysia (JIM) Labuan berjaya menahan seramai 58 Pendetang Tanpa Izin (PATI) sepanjang tempoh Januari hingga Jun tahun ini.

Pengarahnya, **Raymond Entalai** berkata hasil penahanan itu direkodkan berdasarkan daripada 252 operasi dan pemeriksaan yang dijalankan kepada 1,058 individu di sekitar pulau itu.

Katanya, pihaknya turut merekodkan sebanyak 71 pemindahan banduan dan 24 tahanan Imigresen menerusi 21 siri pemindahan bagi tujuan pengusiran balik ke negara asal.


“JIM tidak akan berkompromi dengan mana-mana warganegara asing yang masuk dan tinggal di negara ini tanpa pas yang sah.

“Kita juga akan mengambil tindakan tegas terhadap pendatang asing tanpa izin dan majikan yang menggaji tanpa dokumen sah,” katanya.

Dalam perkembangan lain, Raymond turut memaklumkan pihaknya telah memperkenalkan program Kad Pengenalan Pekerja Asing (I-Kad) bagi melancarkan proses pengenalan pekerja asing bermula 14 Jun lalu.

Dengan inisiatif itu, kira-kira 1,015 pekerja asing bakal menerima manfaat itu. “Berdasarkan rekod sehingga hujung Jun lalu, kita telah mengeluarkan sebanyak 25 I-Kad kepada majikan di Labuan.

“Walau bagaimanapun, untuk memohon inisiatif ini hanya untuk warga asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) bagi tempoh 12 bulan sahaja,” ujarnya.

Raymond berkata inisiatif I-Kad yang diperkenalkan itu menawarkan kepada pekerja dalam enam sektor iaitu peladangan, pembuatan, perkhidmatan dan pembantu rumah. 



RAYMOND



Pamer spesies orkid unik

Floria Diraja Putrajaya kembali Ogos ini

SABRINA SABRE

BERTEMAKAN Raikan Bersama, Celebrate Together!, satu pengalaman manis menanti penggemar bunga orkid menerusi Floria Diraja Putrajaya yang akan membuka tirainya bermula 22 Ogos hingga 1 September ini bertempat di Persisiran Tasik, Presint 2, Putrajaya.

Uniknya, festival ini bukan sahaja mempamerkan kepelbagaian bunga berwarna-warni dalam reka bentuk landskap yang indah tetapi turut dijual di gerai tapak festival. Pengunjung pasti terpesona seakan berada di negara Eropah kerana dikelilingi ratusan ribu jenis pokok, tumbuhan dan bunga-bunga.

Lebih menarik, acara yang bermula pada pukul 9 pagi hingga 10 malam itu akan diserikan dengan kehadiran Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah pada 22 Ogos (Khamis) di Pentas Utama Floria.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, Floria Diraja Putrajaya 2024 akan memaparkan komponen-komponen baharu yang dijangka akan menarik minat orang ramai terdiri daripada pelbagai golongan dan usia.

"Antara tarikan pada tahun ini adalah pihak kami akan mempamerkan lebih daripada 500 jenis pokok orkid spesies dan hibrid, Pameran dan Pertandingan Bonsai, Pameran dan Pertandingan Terarium, Pameran Floral Masterpiece bertemakan koleksi tumbuhan Highland dan Lowland yang menakjubkan, Laman bertemakan Zen Garden yang

dihiasi dengan pokok bonsai, Laman Santai bertemakan koleksi tumbuhan tropika selain terdapat Pameran Orkid Khas iaitu lebih daripada 15 jenis orkid VIP akan dipamerkan terdiri daripada nama-nama diraja dan orang kenamaan.

"Selain itu, pameran kali ini juga akan memperkenalkan kepada umum satu lagi orkid baharu istimewa yang berdaftar dengan Royal Horticultural Society (RHS), London bersempena perasmian Floria Diraja Putrajaya 2024. Nantikan kemunculannya pada 22 Ogos ini!" ujar beliau.

Fadlun berkata objektif penganjuran Floria Diraja Putrajaya 2024 adalah untuk mempromosikan Putrajaya dalam kepelbagaian produk pelancongan sedia ada di pusat pentadbiran kerajaan itu selain mempunyai potensi yang besar untuk menjadi salah sebuah destinasi pelancongan domestik dan antarabangsa.

"Di samping itu, acara ini dilaksanakan bagi mempromosi dan mengetengahkan pelbagai jenis orkid dan hibridnya, memperkenalkan serta mempamerkan koleksi-koleksi spesies orkid khas, unik dan rare yang terdapat di Malaysia sekali gus menyokong industri orkid.

"Bukan itu sahaja, ia juga dapat memberi ilham dan idea reka bentuk hiasan, taman orkid dan bunga-bunga lain kepada pengunjung dan orang ramai,"

ujarnya.

Untuk Floria Diraja kali ke-13 itu, beliau memaklumkan pihaknya akan mempertandingkan Pertandingan Pameran Taman yang mana pertandingan tersebut mempertaruhkan hadiah wang tunai untuk Prime Award sebanyak RM10,000 melibatkan penyertaan daripada pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan.

"Terdapat sembilan kategori yang akan dipertandingkan iaitu Floria Iconic Award, Floria Garden Prime Award, Floria Garden Starlight Award, Floria Garden Award, Floria Best Booth Award, Floria Garden Bazaar, Floria Best Booth Award Community Garden, Floria Garden Creative Award, President's Garden Award dan Floria People Most Choice Garden Award.

"Dalam masa sama, Pertandingan Terarium turut diadakan bertujuan untuk mencungkil bakat

serta kreativiti pelajar-pelajar sekolah di Putrajaya bagi mempamerkan keindahan seni miniatur landskap yang menarik dan kreatif selain menjadi sebahagian daripada tarikan di Floria Diraja Putrajaya 2024," ujarnya.

Beliau berkata untuk penganjuran kali ini, pihaknya menawarkan lebih daripada 100 aktiviti dan persembahan pentas antaranya Bengkel Gubahan Bunga, Bengkel Mencanting Batik, Bengkel Hiasan 'Cup Cake', Bengkel 'Doodle

Art', Bengkel Terrarium, Demo Masakan, Pertunjukan Fesyen, Floria Fun Run, Floria Fun Ride, Zumba, Face Fainting, Badut, Superhero Costume, Maskot, Kuiz & Teku Teki?, Persembahan Malam Kebudayaan – Singgah Seni, Persembahan Tarian Kebudayaan & Buskers serta pelbagai aktiviti sampingan dan hadiah menarik menanti pengunjung.

"Sebanyak 30 lot gerai jualan Garden Bazaar disediakan yang terdiri daripada jualan orkid (pelbagai spesies orkid hibrid dan hutan), pokok buah-buahan, perabot landskap, produk Fertigasi dan hidroponik, pelbagai jenis baja dan pasu, produk berasaskan rotan serta tanaman landskap yang lain seperti petunia, ros, bunga raya, heliconia, bunga kertas, caladium, monstera dan banyak lagi.

"Kami juga menawarkan 12 lot gerai jualan Komuniti Garden dengan penglibatan jualan hasil dan produk pertanian bandar dari 11 kebun komuniti, pameran, jualan dan khidmat nasihat daripada rakan kerjasama Jabatan Pertanian dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) serta 12 lot gerai jualan kraf tangan oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM) yang menjual pelbagai produk kraf tangan, songket, perhiasan dan lain-lain.


"Pihak kami juga menyediakan kawasan jualan makanan dan minuman unik yang dikenali sebagai Feast Garden dengan 164 gerai jualan terdiri daripada masakan tempatan dan antarabangsa, makanan jalanan popular, hidangan

eksotik dan pencuci mulut dengan kapasiti 300 tempat duduk bagi memudahkan pengunjung menikmati makanan serta minuman yang dibeli sambil menonton Persembahan Eco Culture, World Music Buskers, Upcycling Drum Tribe, Fire Breather Showdown, Rimba Seruling Music, Malam Selawat & Tausiah (Manusia & Alam), Sape Didgeridoo Jam dan Magunatip Dance," ujarnya.

Untuk Floria Diraja kali ini, Fadlun berkata pihak PPj menasaskan kehadiran 500,000 pengunjung dan pelancong ke Putrajaya seterusnya dapat merencanakan lagi sektor ekonomi menerusi pelancongan acara.

"Bagi warganegara, kita kenakan caj bayaran tiket dewasa sebanyak RM10 manakala RM5 buat kanak-kanak. Untuk bukan warganegara pula, tiket dewasa adalah RM30 manakala kanak-kanak RM25. Buat kanak-kanak bawah tujuh tahun dan pemegang kad orang kurang upaya (OKU) pula adalah percuma.

"Bagi pengunjung yang hadir, kita juga akan menyediakan kemudahan seperti surau, tandas, kerusi roda buat OKU dan warga emas serta paramedik daripada Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM).

"Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh layari media sosial kami di Facebook @Perbadanan Putrajaya; X @putrajayacorp; Instagram, YouTube dan TikTok @perbadananputrajaya serta melalui laman sesawang PPj di www.ppj.gov.my," ujar beliau. 



FADLUN



PARANG ABAI @ THOMAS dilantik sebagai Ketua Kontinjen ke SUKMA Sarawak 2024.

Yakin capai visi muncul juara keseluruhan WiPers sasar 70 emas

SABRINA SABRE

KONTINJEN Wilayah Persekutuan (WiPers) menggalas misi besar apabila menyoal 70 pingat emas bagi memastikan matlamat untuk muncul juara pada Sukan Malaysia (SUKMA) XXI Sarawak 2024 yang bakal berlangsung pada 17 hingga 24 Ogos ini menjadi kenyataan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** mengumumkan sasaran itu dalam Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Wilayah Persekutuan ke SUKMA XXI MSN 2024 yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Jabatan Wilayah Persekutuan baru-baru ini.

“Sasaran tersebut bersandarkan kejayaan WiPers menduduki tempat ketiga keseluruhan dengan merangkul 55 pingat emas, 68 perak dan 64 gangsa pada SUKMA 2022.

“Ia memberi keyakinan kepada saya untuk menetapkan sasaran ini. Selepas kali terakhir memenangi juara keseluruhan pada SUKMA 2014, sudah

semestinya harapan besar buat kontinjen supaya muncul kembali sebagai juara keseluruhan selepas 10 tahun menanti,” ujar beliau.

Zaliha turut mengumumkan insentif habuan wang tunai berjumlah RM5,000 menanti atlet kategori individu yang memenangi pingat emas pada temasya SUKMA 2024 manakala kategori berpasukan bakal menerima imbuhan sebanyak RM3,000 sehingga RM4,000 sebagai pembakar semangat kontinjen.

“Untuk pingat perak, atlet individu bakal membawa pulang wang tunai RM2,000, RM1,000 hingga RM1,500 pula untuk atlet berpasukan manakala pemenang gangsa menerima RM1,000 dan atlet berpasukan (RM500 hingga RM700).

“Jurulatih atlet berkenaan pula bakal menerima RM1,000 bagi kategori sukan individu dan sukan berpasukan manakala untuk acara berpasukan pula akan mendapat imbuhan RM500.

“Seterusnya, pengurus pasukan akan ditawarkan insentif RM500 bagi setiap sukan yang memperoleh pingat emas,” ujarnya.

Dalam pada itu, beliau berkata WiPers menghantar antara kontinjen terbesar pada temasya kali ini dengan penyertaan keseluruhan 1,011 atlet serta pegawai (705 atlet) pada SUKMA XXI Sarawak 2024 dan akan menyertai kesemua 37 jenis sukan.

Pada majlis tersebut, Zaliha turut mengumumkan Ketua Kontinjen ke SUKMA 2024 adalah Datuk Parang Abai @ Thomas manakala Timbalan Ketua Kontinjen I, Nik Shukri Nik Soh, Timbalan Ketua Kontinjen II, Naquib Hamdan, Timbalan Ketua Kontinjen III, Fadzilah Mahmud@Mamud dan Pengarah Operasi, Nik Ahmad Zahiruddin Nik Saleh.

Perenang, Chong Xin Lin pula menjadi atlet wanita pertama yang diberi kepercayaan sebagai pembawa bendera kontinjen WiPers pada SUKMA kali ini. **17**

Perbelanjaan SUKMA tidak wajar dijadikan alasan

SETIAP negeri yang bertanding pada Sukan Malaysia (SUKMA) di Sarawak pada 17 hingga 24 Ogos ini tidak sepatutnya menjadikan kekangan kewangan sebagai alasan untuk meminta supaya penganjur menanggung sebahagian perbelanjaan.

Menteri Belia dan Sukan, **Hannah Yeoh** berkata ini kerana temasya sukan itu merupakan satu keperluan dalam memastikan negara tidak ketandusan bakat muda.

“Perkara itu perlu diletakkan sebagai keutamaan selain perincian berhubung penganjuran SUKMA tersebut telah dimaklumkan pada Menteri Besar dan Ketua Menteri sejak tahun lepas.

“Bagi saya, alasan meminta penganjur menanggung sebahagian perbelanjaan adalah tidak adil kerana Sarawak dan Sabah umpamanya turut berdepan perkara sama. Saya kira tak banyak peruntukan untuk menghantar kontinjen ke Sarawak dan ia adalah perbelanjaan yang wajar untuk negeri,” ujar beliau.

Pada 10 Julai lalu, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor berharap Sarawak menanggung sebahagian kos untuk menghantar kontinjen negeri itu ke SUKMA bagi meringankan beban ditanggung termasuk tiket

perjalanan dan membawa peralatan.

Dalam pada itu, Hannah berkata beliau kecewa kerana banyak acara sukan membabitkan wanita pada kejohanan kali ini dibatalkan ekoran kurang penyertaan disebabkan beban perbelanjaan.

Beliau berkata ia tidak adil memandangkan populasi wanita mewakili hampir separuh daripada bilangan keseluruhan penduduk selain turut membantutkan prestasi para atlet muda.

Sementara itu, Hannah berkata Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah meminta Majlis Sukan Negara (MSN) untuk mewujudkan kejohanan sukan peringkat kebangsaan bagi kategori terbuka sebelum hujung tahun ini dan bakal menggunakan model penganjuran SUKMA sebagai asas utama menjayakannya.

“Sukan adalah untuk semua. Tugas KBS bukan hanya jaga atlet di usia 18 hingga 21 tahun sahaja. Kalau anda berumur 40 tahun atau 50 tahun dan masih aktif terlibat dalam sukan maka ia tetap di bawah bidang kuasa KBS.

“Jadi saya fikir platform ini boleh digunakan oleh mereka yang berusia mungkin dari 30 hingga 50 tahun untuk bersaing secara kompetitif. Pada masa yang sama ia turut menyumbang kepada amalan gaya hidup sihat,” ujarnya. **17**



HANNAH



AZIZULHASNI/AWANG antara atlet berpotensi menghadirkan pingat emas sulung buat Malaysia.

Berbasikal trek, badminton mampu jelma emas di Olimpik

KETUA Kontinjen Malaysia ke Sukan Olimpik Paris 2024, **Datuk Hamidin Mohd Amin** berpendapat sukan berbasikal trek atau badminton bakal menjadi penyumbang pingat emas pertama negara di temasya sukan berprestij itu.

Beliau berkata ini berdasarkan prestasi semasa, selain pencapaian sukan berkenaan dalam beberapa kejohanan dan temasya Sukan Olimpik edisi sebelum ini.

“Antara atlet yang berpotensi menghadirkan pingat emas sulung Malaysia itu adalah perseorangan lelaki negara, Lee Zii Jia, beregu lelaki negara,

Aaron Chia-Soh Wooi Yik dan jaguh berbasikal trek, Datuk Mohd Azizulhasni Awang.

“Jika ada atlet muda seperti di sukan renang, memanah dan terjun menghadirkan pingat lain, ia bagus untuk masa depan mereka, Olimpik seterusnya dan satu bonus buat kontinjen negara, kita letak dulu sasaran satu pingat emas sebagai permulaan.

“Sasaran yang diutarakan menteri, kita perlu berusaha untuk dapatkannya,” ujar beliau.

Terbaharu, Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh memaklumkan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) kekal

dengan sasaran hanya satu pingat emas pada temasya sukan Olimpik Paris 2024.

Sementara itu, Hamidin menyeru atlet yang membuat penampilan pertama terutamanya bagi mereka yang beraksi menerusi tiket ‘wildcard’ di temasya sukan empat tahun sekali itu untuk sekurang-kurangnya memperbaharui rekod peribadi masing-masing.

Dalam masa sama, turut mengingatkan agar kesemua atlet supaya berhati-hati dan menjaga keselamatan diri sepanjang membuat persediaan menjelang Sukan Olimpik Paris 2024. **17**

Hentikan eksploitasi selebriti

PELBAGAI cara penipuan dilakukan oleh sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab semata-mata ingin mencari keuntungan dengan pantas.

Artis dan selebriti terkenal antara golongan sasaran yang menjadi mangsa taktik licik pihak yang kononnya mengumpul dana bagi membantu umat Islam di Palestin yang kini dizalimi Israel.

Di zaman serba canggih ini, penipu atau *scammer* juga turut menggunakan selebriti untuk

melariskan produk mereka tanpa kebenaran dengan menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI).

Terbaharu, isu tersebut turut mendapat perhatian Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil yang menyifatkan selebriti sering dieksploitasi oleh pihak tertentu untuk memperdaya masyarakat.

Bagi menyelami perasaan selebriti yang tersepit dengan situasi ini, wartawan **DEEL ANJER** mengupas isu tersebut bersama barisan selebriti popular tanah air. 🗣️

Bendung sebelum parah

KEMAJUAN teknologi AI amat dikagumi hari ini. Namun terdapat segelintir individu yang menyalahgunakannya. Sekiranya tidak dibendung, ia akan membawa masalah kepada ramai pihak.

Perkara tersebut didedahkan Presiden Persatuan Seniman Malaysia (SENIMAN), Rozaidi Abdul Jamil atau lebih dikenali sebagai **Zed Zaidi**.

“Sudah ada artis yang mengadu wajah dan suara mereka digunakan sebagai wajah iklan untuk sesuatu produk, walhal mereka sendiri tidak terlibat langsung dengan produk atau barang tersebut.



“Bagaimanapun ada juga yang tidak menyedari menjadi mangsa sebaliknya peminat atau netizen yang menyedari perkara tersebut. Apa yang membimbangkan apabila ada pihak yang dipercayai iklan tersebut.

“Dapat atau tidak produk yang diiklankan, saya tidak pasti tetapi mereka secara tidak langsung memberi keuntungan pada syarikat itu. Walhal artis yang digunakan sebagai wajah iklan tidak mendapat apa-apa manfaat,” ujarnya.

Pada masa sama, Zed memaklumkan pihak SENIMAN tidak merancang untuk mengambil tindakan susulan tetapi mencadangkan kepada Kementerian Digital dan Menterinya, Gobind Singh Deo untuk berbuat sesuatu.

“Kalau kes ini melibatkan banyak artis dan mereka mendapatkan SENIMAN untuk tindakan susulan, baru boleh kita usulkan. Kalau seorang dua, pihak SENIMAN cuma boleh uar-uarkan dan mereka-lah yang perlu ambil tindakan susulan seperti laporan polis dan sebagainya.

“Atas faktor itu, pihak kementerian juga perlu mengambil tindakan sewajarnya untuk membendung sebelum ia menjadi barah,” tegas Zed. 🗣️

Bantu jangan sampai tertipu

PELAKON Nadia Brian antara selebriti yang lantang bersuara berkenaan isu Palestin yang dizalimi rejim Israel.

Apabila timbul isu penipuan dalam mengumpul dana dan tidak sampai kepada Palestin, situasi itu membuatkan Nadia terkilan.

“Hari-hari saya melihat kekejaman Israel ke atas umat Islam di Palestin. Rasa marah, geram, benci semua ada. Kalaulah saya ada kudrat dan keadaan mengizinkan untuk membantu mereka di sana, saya nak pergi.

“Saya lihat rakyat Malaysia amat terkesan dengan situasi di Palestin ketika ini.

Namun mereka perlu berhati-hati dalam menyalurkan sumbangan agar tidak tertipu. Bukan itu sahaja, terdapat juga segelintir pihak yang menggunakan gambar atau video artis yang diedit untuk memperdayakan orang ramai dalam meraih sumbangan.

“Saya sedih apabila ada pihak yang cuba ambil kesempatan terhadap situasi ini. Masih ada yang tergamak menipu sedangkan sumbangan tersebut untuk umat Islam di sana,” katanya.

Bagi Nadia, orang ramai boleh merujuk kepada pihak berkuasa untuk mengetahui saluran yang betul atau sah sebelum memberi sumbangan.

“Rakyat Malaysia memang murah hati, mudah bantu orang tapi janganlah sampai tertipu,” ujarnya. 🗣️



Ambil kesempatan kaut untung atas angin

PENYANYI Tom yang popular menerusi rancangan *Gegar Vaganza* terkilan dengan pihak tertentu yang menyalahgunakan artis untuk melariskan produk atau membuat kutipan amal.

Bagi pelantun lagu Redha ini, tindakan itu sebenarnya bukan sahaja menganiaya golongan selebriti sebaliknya turut menzalimi pengguna.

“Hal ini semakin menjadi-jadi. Janganlah ambil kesempatan terhadap artis

semata-mata mahu mengaut keuntungan.

“Itu adalah salah dan memang tak boleh sewenang-wenangnya menggunakan wajah mana-mana artis untuk mempromosi produk sedangkan mereka tidak guna pun produk itu,” katanya.

Bagi Tom, sikap tidak bertanggungjawab para peniaga ini turut membahayakan masyarakat yang terpedaya

dengan penipuan itu.

“Tidak rasa salah ke tipu masyarakat sedangkan artis yang dikaitkan itu sebenarnya tidak menggunakan produk berkenaan, tidak tahu isi kandungan dan sebagainya, jika timbul masalah kemudian hari, yang tanggung adalah pelanggan. Entah apa kesannya nanti. Memang bahaya.

“Begitu juga mereka atau *scammer* yang menggunakan artis tanpa kebenaran untuk

kutipan amal. Dalam masa yang sama, nama artis pun terjejas. Padahal artis itu tidak tahu langsung berkenaan produk atau kutipan yang dibuat,” ujarnya.

Tegasnya lagi, menggunakan wajah seseorang tanpa izin adalah sesuatu yang tidak masuk akal dan di luar kewarasan fikiran namun tidak mustahil terjadi jika keuntungan menjadi agenda utama. 🗣️





WiPers sasar 70 emas
di SUKMA 2024 >>22

Ambil kesempatan
kaut untung >>23

Hijrah sarat pengajaran bermakna

DI Malaysia, saban tahun kita menyambut Maal Hijrah bersempena masuknya tahun baru Islam. Pelbagai perbincangan telah dibincangkan oleh para ilmuwan tentang Hijrah, namun apa yang juga perlu direnungi ialah maksud dan tujuan sambutan itu diadakan. Ia bukan sekadar untuk memperingati peristiwa bersejarah hijrah Nabi Muhammad SAW dan para sahabat ke bumi Yathrib, tetapi penghijrahan itu sendiri sarat dengan pengajaran dan panduan yang bermakna.

Kemahuan untuk berhijrah memerlukan suatu tekad, keazaman dan pengorbanan yang tinggi. Bayangkan, umat Islam di kala itu perlu meninggalkan tanah air tempat kelahiran, mungkin selamanya tanpa mengetahui bila akan kembali meninggalkan harta benda yang telah sekian lama diusahakan; serta meninggalkan ahli keluarga dan sahabat handai yang hidup dan membesar bersama.

Perjalanan hijrah itu pula tidak mudah, terpaksa keluar secara bersembunyi dibimbangi ditangkap dan dihalang musyrikin Makkah dan perlu pula melalui permusafiran panjang di padang pasir yang panas dan mencabar. Sudahlah begitu, Yathrib yang menjadi tempat tujuan belum diketahui bagaimanakah keadaannya.

Di mana tempat mereka mahu tinggal, bagaimana mahu menyara hidup di tanah asing dan bagaimana pula penerimaan penduduk di sana. Oleh itu, keputusan untuk keluar berhijrah itu sendiri bukan suatu yang mudah, apatah lagi bila difikirkan persoalan di atas.



KEPUTUSAN untuk keluar berhijrah bukanlah suatu yang mudah. - Gambar hiasan

Nabi maklum tentang hal ini, maka baginda memberikan pesan yang jelas, mengandungi sisi iman, ikhlas dan tawakkal kepada Allah dalam hadis yang bermaksud: Dari Abu Hafis 'Umar bin al-Khattab r.a, katanya: "Aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya segala amalan itu bermula dari niat dan sesungguhnya bagi setiap orang itu (ia akan memperolehi berdasarkan) untuk apa diniatkannya. Maka barang siapa (niat) hijrahnya kerana Allah dan Rasul-Nya, maka hijrahnya itu adalah untuk Allah dan Rasul-Nya. Dan sesiapa hijrahnya untuk dunia, maka ia

maksudnya itu akan terpenuhi atau kerana seorang wanita, maka ia akan mengahwininya. Oleh yang demikian hijrahnya adalah berdasarkan kepada maksud apa hijrah itu dilakukan."

Hadis ini telah diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari di permulaan kitabnya Sahih al-Bukhari, di kitab al-Iman dan di lima tempat yang lain di dalam Sahihnya. Imam Muslim meletakkan hadis ini di kitab al-Imarah dalam Sahih Muslim, manakala Imam Abu Daud di kitab al-Talaq di dalam Sunan Abu Daud. Imam al-Tirmidhi meriwayatkan hadis ini di kitab Fadhail Jihad di dalam

Sunan al-Tirmidhi, Imam Ibnu Majah di kitab al-Zuhd, di dalam Sunan Ibnu Majah manakala Imam al-Nasaie di kitab al-Taharah di dalam Sunan al-Nasaie. Hadis ini juga diriwayatkan di dalam Musnad Imam Ahmad bin Hanbal, al-Daraqutni, Ibnu Hibban dan al-Bayhaqi.

Para ulama meletakkan hadis ini di kedudukan yang tinggi dan penting kerana memperingatkan umat Islam untuk memperbetulkan niat semata-mata demi reda Allah.

Imam al-Bukhari meriwayatkan bahawa Nabi SAW berkhotbah dengan hadis ini dan ia diikuti juga oleh Saidina 'Umar yang juga berkhotbah dengannya. Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad menjelaskan maksud "amalan itu bermula dengan niat" adalah sepertiga dari ilmu.

Ini kerana amalan seorang hamba dilihat kepada tiga aspek iaitu dengan hati, lidah dan anggota. Niat adalah dengan hati dan ia merupakan salah satu dari tiga bahagian tersebut. Oleh sebab itu, para ulama suka memulakan kitab dan karangan mereka dengan hadis ini seperti yang dilakukan oleh Imam al-Bukhari. Hal yang sama dilakukan oleh Imam al-Nawawi yang memulakan ketiga-tiga kitabnya iaitu Riyadh al-Salihin, al-Azkar dan al-Arba'in al-Nawawiyah dengan hadis tentang niat.

Berdasarkan maksud hadis ini jugalah maka ulama sepakat menetapkan bahawa setiap amalan ibadah mestilah dengan niat, sehingga jika adanya amalan yang dilakukan oleh mukallaf yang beriman tanpa niat maka ia tidak

dii'tibarkan sebagai amalan syara' dan tidak diganjar perlakuan tersebut.

Pada aspek faedah, hadis ini berkenaan peri penting niat yang ikhlas demi Allah ketika melakukan suruhan-Nya termasuklah ketika mahu keluar berhijrah. Ia juga sebagai teguran bahawa amalan kita akan dinilai berdasarkan apa yang kita niatkan.

Dalam konteks hijrah, ia bukan sekadar berpindah secara fizikal dari satu tempat ke lokasi yang tertentu semata-mata. Hijrah juga sarat dengan makna ruhaniyyah, dari iman yang kukuh di dalam hati, ikhlas melakukannya demi Allah sehingga sanggup mengorbankan apa sahaja yang dimiliki.

Kemahuan berkorban termasuk nyawa dan harta sendiri merupakan tingkatan paling tinggi amal insan, yang bermula dengan niat dan azam yang ikhlas. Oleh sebab itu, pentingnya niat kerana ia menghasilkan azam dan tekad. Namun kukuhkan azam bergantung pada apa yang diniatkan. Hanya niat atau tujuan untuk Allah mampu melahirkan tekad dan pengorbanan sebegitu tinggi seperti yang ditunjukkan oleh generasi sahabat yang berhijrah.

Sudah pasti juga ia dimulai dengan keimanan yang jelas lagi bersih kepada Allah sehingga melahirkan sifat cinta kepada Pencipta lalu sanggup meninggalkan apa yang dimiliki untuk Pemilik sebenar iaitu Allah.

PENULIS Profesor Madya di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

SERTAI SALURAN TELEGRAM
t.me/wilayahku
UNTUK INFORMASI TERKINI!

IMBAS KOD QR